



DR 9 TAHUN 2016
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PEMBINAAN DAN PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA, JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR

KEMENTERIAN PERTAHANAN

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN TERHADAP PEMBINAAN DAN PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA, JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR	1-17
2.	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	18-20
3.	AGENDA MESYUARAT	
4.	LAPORAN PROSIDING	
5.	DOKUMEN PEMBENTANGAN	

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN TERHADAP PEMBINAAN DAN PENGURUSAN
WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA, JALAN
PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

1. PENDAHULUAN.

Pembinaan dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur di bawah Kementerian Pertahanan adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 1 (Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 06 April 2015.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan membincangkan mengenai isu ini pada 28 Mei 2015 iaitu dalam prosiding Bilangan 33 Tahun 2015.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan Audit berhubung Pembinaan dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur dengan tujuan:

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

- i. Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan isu perolehan tersebut;
- ii. Menentukan sama ada perbelanjaan telah dibuat dengan berhemat atau sebaliknya;
- iii. Mengenal pasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- iv. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan wang awam.

3. SKOP DAN METODOLOGI.

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- Menjemput Ketua Audit Negara atau wakilnya bagi memberi penjelasan awal berhubung isu yang dibangkitkan;
- Perbincangan tertumpu kepada isu-isu utama yang dibangkitkan dalam LKAN melibatkan skop perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pembinaan, kerja hiasan dalaman dan pengoperasian dan pengendalian Wisma Perwira;

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

- Menjemput dan mendengar keterangan daripada pegawai yang terlibat dengan pembinaan dan pengurusan Wisma Perwira termasuk Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan, Yang Dipertua Wisma Pewira ATM, Ketua Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan; dan
- Menjemput wakil daripada agensi pusat seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk hadir bersama.

4. LATAR BELAKANG WISMA PERWIRA.

Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (WP ATM) adalah sebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan hospitaliti seperti penginapan, sajian dan kemudahan-kemudahan lain yang berorientasikan perhotelan kepada pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia daripada tiga perkhidmatan yang bertugas di Kementerian Pertahanan dan unit-unit berdekatan dengan kos pembinaan berjumlah RM102.75 juta.

Komponen projek WP ATM meliputi dewan bankuet, bilik seminar dan bilik mesyuarat. Manakala untuk kemudahan riadah pula disediakan gimnadium, kolam renang, bilik karaoke dan bilik *indoor games*.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

5. HASIL PERBINCANGAN.

5.1 Penjelasan Awal Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan).

- a) Pembinaan Wisma Perwira diberikan kepada Bisraya Construction Sdn Bhd (BCSB) dan kaedah perolehannya adalah secara rundingan terus dan *design and build*. Kos projek adalah sebanyak RM102.75 juta dan tempoh kontrak 28 Ogos 2008 hingga 24 Februari 2011 iaitu selama 30 bulan. Kelulusan Lanjutan Masa (EOT) iaitu EOT 1 diberi tempoh selama 114 hari manakala EOT 2 selama 275 hari. Tarikh siap projek ini adalah pada 19 Mac 2012 dan diambil milik pada 10 Mei 2012. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan pada 16 Mei 2012 dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) adalah dari 20 Mac 2012 sehingga 19 Mac 2014. Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) pula dikeluarkan pada 13 Oktober 2014.
- b) Secara keseluruhannya projek ini berada pada tahap memuaskan kerana telah mewujudkan sebuah wisma yang lebih selesa berbanding sebelumnya.
- c) Bagaimanapun, beberapa kelemahan perlu diberikan perhatian iaitu:
 - (i) Projek lewat siap selama 389 hari;

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

- (ii) Kelemahan dari segi perancangan reka bentuk dan skop kerja;
- (iii) Kos projek meningkat lebih RM300,000;
- (iv) Kelewatan menduduki bangunan selama 25 bulan;
- (v) Perabot dan hiasan dalaman lewat siap;
- (vi) Kualiti kerja pembinaan kurang berkualiti walaubagaimanapun telah dibaiki selepas teguran Jabatan Audit;
- (vii) Kerja *mechanical* dan *electrical* tidak sempurna;
- (viii) Rundingan harga dengan perunding kerja-kerja hiasan dalaman (NRY Architects Sdn. Bhd.) lewat dimuktamadkan.

5.2 Keterangan dan Maklum Balas KSU Kementerian Pertahanan.

a. Isu Arahan Perubahan Kerja (APK) Tanpa Kelulusan.

Pelarasang bagi APK 6 adalah perubahan rekabentuk porch dengan membesar dari saiz asal yang diterima dan diluluskan semasa pembinaan atas teguran secara lisan oleh Ketua Setiausaha (KSU) semasa itu. Pembesaran ini melibatkan pembesaran bumbung, penambahan *built up*

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

area untuk bilik siber dan bilik senggaraan serta penambahan kuantiti bagi *dome composite panel* yang berjumlah RM0.65 juta. Manakala bagi APK 7 pula ianya melibatkan skop kerja menaik taraf kemasan lantai lobi utama, lobi aras satu dan lobi lif yang rekabentuk asalnya jubin seramik. BCSB telah melaksanakan perubahan kerja tanpa arahan secara bertulis dari Pengarah Projek, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP). BCSB juga tidak mengemukakan notis pengesahan APK kepada BPKP dalam tempoh 7 hari sebagaimana yang disyaratkan dalam kontrak klausa 23 dan 24.4. Permohonan APK 6 dan 7 ini telah diangkat ke Lembaga Perolehan ‘A’ sebanyak 2 kali namun tidak diluluskan. Bahagian Pembangunan juga telah memohon kelulusan Kementerian Kewangan dan ia tidak diluluskan.

Maklum Balas.

Kementerian Pertahanan menyatakan kedua-dua APK tersebut memang tidak diluluskan dan sebaliknya pihak Kementerian Kewangan mengarahkan Kementerian membuat bayaran secara ex-gratia. Pihak kementerian telah membuat semakan harga berasaskan tuntutan yang dibuat oleh pihak kontraktor dan telah mengemukakan harga yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Tuntutan kementerian. Kementerian bersetuju untuk membuat bayaran sebanyak RM188,408.14 sahaja berasaskan kerja-kerja yang telah

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

dilaksanakan dan bukan berdasarkan sebagaimana yang dituntut oleh kontraktor.

b. Isu Tiada Laporan Ujian Terhadap Bahan Binaan dan Penyiasatan Tanah (S.I).

Laporan-laporan berkenaan tidak dikemukakan kepada pihak Audit bagi menentukan segala ujian dan penyiasatan tanah dilakukan dengan sempurna atau sebaliknya bagi memastikan kesesuaian tanah untuk pembinaan bangunan tinggi memandangkan bangunan yang dirobohkan merupakan bangunan satu tingkat. Semasa lawatan Audit dijalankan, didapati bangunan yang baru 2 tahun siap dibina telah diserang oleh anai-anai.

Maklum Balas.

Kementerian telah mengambil tindakan untuk membuat pemeriksaan terhadap seluruh bangunan. Kontraktor telah memperbaiki semua kerosakan yang disebabkan oleh anai-anai dan kontrak pembasmian telah diwujudkan oleh kontraktor selama lima (5) tahun bermula daripada 19 Mac 2012 dan akan tamat tempoh pada 18 Mac 2017. Kontraktor juga akan melakukan pemeriksaan berkala terhadap serangan anai-anai dan makhluk perosak lain dan mengemukakan laporan bulanan kepada Kementerian Pertahanan. Kerja-kerja ini akan dipantau oleh pasukan pemantau Wisma Perwira ATM.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

c. Isu Perubahan Reka Bentuk dan Spesifikasi Kerja Dalaman Selepas SST Dikeluarkan.

Masih terdapat perubahan reka bentuk dan spesifikasi kerja dalaman atas permintaan Kementerian Pertahanan semasa rundingan terus dijalankan dan selepas SST dikeluarkan.

Maklum Balas.

Perubahan reka bentuk dan spesifikasi kerja dalaman berlaku disebabkan oleh kekangan peruntukan yang menyebabkan skop kerja asal terpaksa dikecilkan iaitu dengan mengeluarkan skop utama seperti ID; perabot mudah alih; peralatan AV Audio/Sound & PA System; lampu-lampu hiasan; peralatan hidangan dan *house-keeping* serta M&E. Pihak Kementerian mendapati skop kerja yang dikeluarkan itu masih diperlukan untuk memastikan WP ATM beroperasi sepenuhnya. Perubahan terpaksa dibuat bagi memberi *added-value* kepada WP ATM selaras dengan imej wisma induk ATM yang sering menerima kunjungan VVIP dalam dan luar negara.

Kementerian Pertahanan juga telah memelaksanakan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

- i) bagi projek-projek yang melebihi RM50 juta akan dibincangkan di *value management lab (VMB)* terlebih dahulu. Penglibatan banyak pihak termasuk PBT dan pengguna semasa VMB dapat membantu menghasilkan skop kerja dan rekabentuk optima bagi mengelakkan sebarang perubahan kerja semasa pembinaan.
- ii) perubahan kerja yang besar semasa pembinaan hanya akan dipertimbangkan setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Panglima Perkhidmatan masing-masing.
- iii) perubahan kerja terpaksa dilaksanakan kerana ianya tidak dapat dikenalpasti di peringkat perancangan. Perubahan kerja adalah bagi memastikan tidak berlakunya *double handling works*.

d. Isu Proses Rundingan Harga.

Secara keseluruhan proses rundingan harga mengambil masa selama 5 bulan untuk dimuktamadkan dan telah mengakibatkan kelewatan semasa pelaksanaan projek.

Maklum Balas.

Proses rundingan mengambil masa atas dasar Kementerian berhasrat untuk merundingkan harga ke paras berpatutan dan munasabah serta menguntungkan pihak Kerajaan.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Namun, dalam beberapa siri perbincangan yang diadakan, pihak kontraktor enggan untuk mengurangkan harga. Rundingan seterusnya diadakan pada Januari 2013 sehingga mencapai persetujuan di kedua-dua pihak dengan harga yang berpatutan selaras dengan konsep *best value for money*. Walaupun mengambil masa 5 bulan, secara keseluruhan, Kementerian berjaya menjimatkan sebanyak RM0.82 juta (27%) dari tawaran asal kontrak RM3.11 juta kepada RM2.29 juta.

Kementerian juga melaksanakan langkah pencegahan dengan memastikan setiap mesyuarat rundingan harga akan dipastikan mencapai persetujuan dalam tempoh masa mengikut peraturan semasa sebelum SST dikeluarkan. Ini akan memastikan komitmen kontraktor akan lebih tinggi memandangkan SST tidak akan dikeluarkan sehingga mencapai persetujuan rundingan harga.

e. Isu Dokumen Kontrak Tidak Ditarikhkan.

Dokumen kontrak bagi kerja pembinaan (Bisraya Construction Sdn. Bhd) dan kerja membekal, memasang, menguji dan mentauliah sistem dan peralatan dapur (Ingenious Air Cycle Engineering Sdn. Bhd) tidak mempunyai tarikh ianya ditandatangani menyebabkan tidak dapat dipastikan sama ada terdapat kelewatan dalam menandatangani dokumen kontrak selepas SST dikeluarkan.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

PROJEK	KONTRAKTOR	SST DIKELUARKAN	TARIKH KONTRAK		TEMPOH KELEWATAN SELEPAS 4 BULAN DARI TARIKH SST
			SEPATUTNYA DITANDATANGANI	SEBENAR DITANDATANGANI	
Pembinaan	Bisraya Construction Sdn. Bhd.	25.08.2008	25.12.2008	TM	TM
Membekal, Memasang, Mewujudkan dan Memantau dan Memastikan Sistem dan Peralatan Dapur	Ingenious Air Condition Engineering Sdn. Bhd.			TM	TM

Maklum Balas.

Kementerian mengambil maklum akan teguran ini dan telah membuat semakan semula dengan dokumen sedia ada dan mengakui ia merupakan satu masalah teknikal dan menganggap masalah ini sebagai kes *overlooked*. Kementerian telah mengambil tindakan dalaman segera dengan mengeluarkan arahan kepada semua *desk officer* memastikan semua dokumen kontrak yang ditandatangani mesti ditarikhkan pada tarikh semasa.

f. Isu Skop Kerja Tiada Dalam Kontrak.

BCSB terpaksa menangguhkan kerja-kerja M&E dan pemasangan plaster ceiling di ruang Ballroom bagi pemasangan sistem penyokong lampu Chandelier serta penambahan sistem pendawaian terhadap lampu berkenaan yang tidak termasuk di dalam kontrak. Selain itu penangguhan kerja binaan di ruang dapur bagi pemasangan peralatan dapur oleh IACESB menyebabkan Kementerian bersetuju meluluskan EOT ke-2 selama 275 hari.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Maklum Balas.

- i) Skop kerja pemasangan lampu Chandelier tidak diambilkira dalam skop kerja BCSB kerana ianya lebih menjurus kepada kerja hiasan dalaman.
- ii) Koordinasi antara kontraktor bangunan dan kontraktor dapur sentiasa dilaksanakan sepanjang tempoh pembinaan projek. Walau bagaimanapun ia juga bergantung kepada komitmen semua kontraktor untuk melaksanakan kerja.
- iii) Pertindihan masa dan ruang kerja tidak dapat dielakkan kerana kedua-dua projek harus dilaksanakan serentak bagi memastikan keseluruhan bangunan dan kemudahan siap dan sedia digunakan oleh pengguna.

g. Isu Kelewatan Mengeluarkan Sijil Kerja Tidak Siap (CNC)

Semasa tempoh pembinaan dilaksanakan sebanyak 4 CNC dikeluarkan masing-masing satu kepada BCSB, 2 kepada IACESB dan satu kepada MRSB. Didapati Kementerian telah lewat mengeluarkan CNC kepada BCSB dan IACESB.

Maklum Balas.

Notis kelewatan kepada BCSB telah dikeluarkan pada 3 Mei 2011. CNC dikeluarkan pada 23 Jun 2011. Sungguhpun

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

kelewatan berlaku pada tarikh Sijil dikeluarkan, namun tarikh kuatkuasa LAD masih mengikut tarikh siap asal yang tidak dapat dipatuhi oleh BCSB iaitu pada 18 Jun 2011. Nilai LAD adalah RM19,008.75 sehari. Kementerian sentiasa memastikan syarat-syarat kontrak dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Dalam kes ini semua LAD kepada kontraktor telah selesai dibuat pemotongan melalui bayaran-bayaran interim.

h. Isu Kelewatan Penyerahan Bangunan Kepada Pengguna

Kelewatan proses penyerahan bangunan kepada pihak pengguna adalah disebabkan oleh kegagalan kontraktor menghadiri pemeriksaan bersama bagi memastikan kerja yang telah disiapkan mengikut syarat kontrak.

Maklum Balas.

Kementerian menyatakan semasa membuat pemeriksaan, pihak kontraktor gagal untuk hadir dan Kementerian telah menghantar surat teguran kepada kontraktor atas kegagalan tersebut.

i. Isu Penggunaan *Tableware* dan *Cultery* Berlogo ATM Untuk Majlis Persendirian.

Sewaan yang dikenakan kepada kontraktor Virgin Properties Sdn. Bhd. (VPSB) adalah termasuk tableware and cutlery (Officer Mess) yang mempunyai logo ATM dan peralatan ini telah digunakan semasa majlis persendirian.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Maklum Balas.

Kementerian telah mengambil tindakan dengan memastikan pihak yang mengendalikan wisma untuk membeli peralatan sendiri untuk majlis-majlis persendirian. Kementerian sudah mengambil alih semua pinggan mangkuk yang berlogo ATM dan hanya digunakan untuk majlis-majlis rasmi sahaja.

j. Isu Pendaftaran Kod Bidang Kawalan Keselamatan.

VPSB masih belum mendaftar kod bidang kawalan keselamatan seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kewangan.

Maklum Balas.

VPSB masih dalam tindakan untuk mendapatkan lesen kod bidang kawalan keselamatan dari Kementerian Kewangan. Kelewatan adalah disebabkan VPSB perlu memperoleh lesen kawalan keselamatan daripada Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, langkah proaktif telah diambil oleh VPSB dengan melantik syarikat keselamatan Azam Armada Security Sdn Bhd untuk mengawal keselamatan WP ATM pada 1 Jun 2014. Kementerian juga telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan berhubung dengan pengecualian perkara ini.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

k. Isu Rekod Penyenggaraan Tidak Lengkap.

Buku rekod penyenggaraan WP ATM ada disediakan bagi penyenggaraan yang dijalankan oleh VPSB. Bagaimanapun, tarikh siap kerja pembaikan tidak dicatatkan. Oleh itu pihak Audit tidak dapat memastikan tempoh sebenar pembaikan tersebut dan tarikh siap pembaikan tersebut.

Maklum Balas.

Pengurusan Wisma Perwira ATM akan merangka satu jadual lain yang mempunyai masa dan norma yang lebih terperinci supaya proses senggaraan dan pembaikan akan lebih baik.

I. Isu Penyenggaraan Genarator 180 KVA dan KVA 500.

Kerja penyenggaraan bagi Generator 180 KVA dan KVA 500 yang sepatutnya disenggara dalam bulan September 2014 masih belum dilaksanakan.

Maklum Balas.

Kementerian menyatakan perkara ini telah diambil tindakan dan sekarang ini generator berkenaan berfungsi dengan baik dan disenggara secara berkala.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

m. Isu CCTV Tidak Berfungsi.

Terdapat 7 CCTV tidak berfungsi dan mengalami kerosakan semenjak bulan Ogos 2014. Semakan Audit terhadap Laporan Keselamatan CCTV bulan Oktober 2014 oleh WP ATM mendapati CCTV ini masih belum disenggarakan.

Maklum Balas.

Syarikat VPSB telah melantik kontraktor khas iaitu Univisual Intergrated Sdn Bhd untuk menyelenggara semua CCTV di WP ATM pada 1 Disember 2014 sehingga 30 November 2016. Baikpulih telah dilaksanakan pada 13 Disember 2014 dan semua CCTV berfungsi dengan baik.

n. Isu Perjawatan Wisma Perwira.

Semakan Audit mendapati pada Mac 2014, Kementerian membuat rayuan semakan semula kertas cadangan perjawatan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam disebabkan oleh perjawatan yang diluluskan kurang kesesuaian dan memberi kesan negatif terhadap imej ATM.

Maklum Balas.

JPA telah meluluskan perjawatan seorang pegawai dan enam lain-lain pangkat dengan kerja-kerja pemantauan dan juga pengurusan ahli-ahli wisma. Kementerian memerlukan

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

perjawatan yang lebih untuk membuat kerja-kerja pemantauan dan juga pengurusan wisma.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 33/ 2015 pada Khamis 28 Mei 2015

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN.

- 6.1 Dalam projek *design and build*, segala keputusan perlu dimuktamadkan pada peringkat awal.
- 6.2 Kelemahan di pihak Kementerian Pertahanan iaitu dari segi kawal selia kontrak menyebabkan timbul permasalahan dalam projek ini.
- 6.3 Kementerian Pertahanan tidak mempunyai kekuatan anggota yang cukup dan kekurangan kepakaran dalam pembinaan *multiple storey buildings*.
- 6.4 Kelemahan Kementerian Pertahanan daripada segi koordinasi dan prosedur operasi standard (SOP) telah menyebabkan banyak *loopholes* yang boleh dieksplorasikan.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

7. SYOR PAC PARLIMEN.

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC Parlimen mengesyorkan:

- 7.1 penambahbaikan boleh dibuat dengan mewujudkan pemantauan terhadap kualiti kerja BPKP dalam Kementerian Pertahanan.
- 7.2 Kementerian Pertahanan perlu memastikan peruntukan kewangan cukup sebelum memulakan sesuatu projek supaya tidak berlaku masalah pada projek tersebut di masa akan datang.
- 7.3 Kawalan keselamatan bangunan perlu diuruskan sendiri oleh Kementerian Pertahanan berbanding memberi pengendalian kontrak ini kepada pihak lain supaya dapat mengelakkan kos tambahan.
- 7.4 BPKP meningkatkan kepakaran dan kemampuannya kepada standard JKR di masa hadapan.
- 7.5 Unit Integriti SPRM perlu aktif dalam hal ini dengan tujuan untuk memastikan ketelusan proses projek berkenaan.
- 7.6 Audit Dalaman perlu memastikan *internal controls* dan SOP kementerian diperbaiki dan diperketat supaya *loopholes* dapat dikurangkan seterusnya mengelakkan kesalahan yang sama berulang.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PEMBINAAN & PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA,
JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

- 7.7 Koordinasi diantara ATM dan perkhidmatan awam perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan masalah sama berulang.
- 7.8 Walaupun WP telah siap Kementerian Pertahanan perlu menjalankan SI sebagai tindakan bagi memastikan keperluan teknikal dipatuhi dan struktur bangunan selamat. Tindakan tidak membuat SI adalah sangat serius dan menyalahi keperluan asas pembinaan bangunan tinggi.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 33/ 2015 pada Khamis 28 Mei 2015

LAMPIRAN A

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 33/2015 PADA KHAMIS 28 MEI 2015
DI BILIK JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**


TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
28 Mei 2015 (Khamis) 11.00 pagi	<p>1. Pembinaan & Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur</p> <p>2. Pengurusan Pembinaan Kolej Tentera Udara (KTU) di Kepala Batas, Kedah</p> <p>3. Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit, Kuala Lumpur</p>	<p><u>Kementerian Pertahanan</u></p>

LAPORAN PROSIDING

❖ Bilangan 33/ 2015 pada Khamis 28 Mei 2015

Bil.33

Khamis
28 Mei 2015



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Pembinaan & Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur

- Kementerian Pertahanan

PARLIMEN KETIGA BELAS
彭加勒三

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK JAWATANKUASA 2, TINGKAT 1, BLOK A
PARLIMEN MALAYSIA
KHAMIS, 28 MEI 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]	
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]	
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]	
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]	
YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]	
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]	
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]	
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]	
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]	
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]	

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]
Puan Siti Rohani binti Roslan [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Encik Nikrul Tarmizi bin Awalludin [Timbalan Pengarah]
Puan Hafiza binti Yaakob [Ketua Penolong Pengarah Audit (Pertahanan)]
Puan Hajah Nooriman binti Sulaiman [Penolong Pengarah Audit (Pertahanan)]
Encik Salutan Lisa [Penolong Pengarah Audit (Pertahanan)]

Kementerian Kewangan

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen dan Kabinet)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(K)A)]
Puan Nakiah binti Mohd. Nasir [Ketua Penolong Pengarah (KPP(K)A7)]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (Samb/-)**Jabatan Akauntan Negara**

Cik Haryati binti Sapihis [Ketua Penolong Pengarah]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Ahmad bin Ali [Timbalan Pengarah]

Encik Jeffery bin Yahya [Penolong Pengarah]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pertahanan**

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Dr. Rothiah binti Haji Omar [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]

YBhg. Dato' Mohamad Foad bin Haji Abdullah [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

YBhg. Dato' Che Mohd. Shukri bin Che Hassan [Setiausaha Bahagian

(Audit Dalaman dan Siasatan Am)]

YBhg. Dato' Jalil bin Jaaffar [Ketua Unit (Integriti)]

Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim [Setiausaha Bahagian (Pembangunan)]

Encik Abdul Razak bin Jaafar [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)]

Encik Muhammad Firdaus bin Yaacub [Penolong Penasihat Undang-undang]

Puan Muzaiyah binti Ahmad [Ketua Penolong Setiausaha]

Puan Nur Wahidah Hanum binti Abdul Rahim [Ketua Penolong Setiausaha

(Urusan Bil, Bahagian Kewangan)]

Cik Nurool Baitie binti Hazizi [Inspektorat (Kewangan)]

Kementerian Pertahanan (Wisma Perwira ATM)

YBhg. Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin [Yang Dipertua Wisma Perwira ATM]

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan)]

Encik Mohd. Rezwan bin Abd. Razak [Ketua Penolong Setiausaha (Awam/3 Khidmat, Bahagian Pembangunan)]

Puan Parimala A/P Suparammanayam [Penolong Setiausaha (Awam/3 Khidmat, Bahagian Pembangunan)]

Lt. Kol. Ratenah binti Ismail [Ketua Sel Ukur Bahan (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan)]

Mej. Faridah binti Rakidin [PS 2 Tim Perunding (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan)]

Puan Zurifah binti Zuhairon [Ketua Tim RRU]

Puan Dalilah Aziz Ariarasa [RRU]

Kementerian Pertahanan (Kolej Tentera Udara)

Brig. Jen. Asmuni bin Takriff - TUDM [Timbalan Asisten Ketua Staf (Perancangan dan Pembangunan, Markas Tentera Udara)]

Encik Salahuddin bin Hamzah [Ketua Penolong Setiausaha (Udara, Bahagian Pembangunan)]

Encik Roslan bin Ahmad [Jurutera Ukur Bahan Kanan (Pembangunan)]

Puan Mariamma A/P Govindan [Ketua Seksyen Hal Ehwal Korporat, MINDEF]

Encik Syahizwan bin Osman [Penolong Setiausaha (Udara, Bahagian Pembangunan)]

Mej. Helmi bin Marjuni - TUDM [Wakil Kolej Tentera Udara]

Kapt. Saiful bin Rejab - TUDM [Wakil Kolej Tentera Udara]

(samb/-)

SAKSI-SAKSI (*Samb/-*)

Kementerian Pertahanan (Wisma Transit Kuala Lumpur)

Kol. Hajah Fuziah binti Ibrahim [Pegawai Memerintah]

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan)]

Lt. Kol. Kamarudin bin Mat Jani [Ketua Tim Projek (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan)]

Encik Mohd. Rezwan bin Abd. Razak [Ketua Penolong Setiausaha (Awam/3 Khidmat, Bahagian Pembangunan)]

Puan Aina Azza binti Zaid [Ketua Tim RRU]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA****Khamis, 28 Mei 2015****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.13 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih Timbalan Pengerusi dan Jawatankuasa PAC, Datuk Haji Anwari, Timbalan Audit Negara bersama dengan wakil Jabatan Audit, wakil-wakil kementerian, selamat pagi dan selamat datang ke Mesyuarat Kira-kira Wang Negara pada pagi ini.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Mesyuarat pada hari ini, hari-hari ada mesyuarat PAC... *[Ketawa]* Selepas itu hari ini pula kita menjemput Kementerian Pertahanan bagi mendengar penjelasan berkenaan dengan pengurusan tiga projeknya yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014, Siri 1. Ketiga-tiga projek ini adalah pertama, pembinaan dan pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Kedua, pengurusan prasarana dan kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur dan ketiga, pengurusan pembinaan Kolej Tentera Udara (KTU) di Kepala Batas, Kedah. Yang Berhormat Kepala Batas tidak datang... *[Disampuk]* Alor Setar punya, bukan Kepala Batas, Penang.

Saya dimaklumkan pada hari ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak gunakan bilik ini pada jam 3 petang. Jadi, saya hendak cadangkan kita buat prosiding ini kita tamatkan pada jam 1 petang untuk memberi peluang untuk persiapan *meeting* seterusnya. Jadi oleh sebab itu, saya cadangkan kita fokus kepada pembinaan dan pengurusan Wisma Perwira dahulu kerana itu isu yang berat, yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Audit Negara. Selepas itu, kita sambunglah pada hari lain mengenai isu Kementerian Pertahanan ini... *[Disampuk]* Satu tajuk sahajalah. Kita fokus kepada pembinaan dan pengurusan Wisma Perwira sahaja pada hari ini.

Jadi, berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara dalam pengauditan pembinaan dan pengurusan Wisma Perwira, kelemahan-kelemahan yang telah ditemui adalah seperti kelewatan selama 389 hari. Lebih setahun sebelum projek disiapkan. Kos pembinaan yang meningkat, arahan perubahan kerja yang tidak diluluskan, kelewatan menduduki dan ketiadaan kontrak formal dan tidak mematuhi garis panduan perolehan rundingan terus. Jadi, isu-isu ini saya rasa agak berat jugalah yang boleh kita tanya kepada wakil kementerian pada hari ini.

Jadi tanpa melengahkan masa lagi, saya hendak minta Datuk Anwari kalau ada apa-apa perkembangan terbaru.

Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan), Jabatan Audit Negara]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.*

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed - Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw - Timbalan Pengerusi PAC; Dato', Datuk, Yang Berhormat Ahli PAC sekalian. Jadi sebenarnya, sebanyak tiga kajian audit yang telah kita laporkan dalam Siri 1 bagi Laporan Ketua Audit 2014 sebagaimana disebut tadi. Jadi, kami telah bersedia lah untuk keseluruhan, ketiga-tiga. Sebenarnya untuk makluman secara *overall*, banyak tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun, saya akan sebut satu persatu. Bersama-sama saya pegawai-pegawai sayalah ada empat orang yang akan membantu saya.

Bagi pembinaan Wisma Perwira, nama kontraktor Bisraya Construction Sdn. Bhd. dan kaedah perolehannya adalah secara rundingan terus dan *design and build*. Kos projek RM102.75 juta dan tempoh kontrak 28 Ogos 2008 – 24 Februari 2012 atau selama 30 bulan. Tarikh patut siap 24 Februari 2011, tarikh siap sebenar 19 Mac 2012. So, ada dua lanjutan masalah. EOT pertama - 114 hari, EOT kedua - 275 hari. Tarikh ambil milik pada 10 Mei 2012, CPC - 16 Mei 2012, tempoh tanggungan kecacatan - 20 Mac 2012 hingga 19 Mac 2014. Sijil perakuan siap membaiki kecacatan pada 13 Oktober 2014 dan projek ini lewat siap 389 hari. Ini isulah.

Jadi secara keseluruhannya, kita mendapati projek ini memuaskan kerana telah mewujudkan suasana yang lebih selesa berbanding sebelumnya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti disebut tadi. Mungkin saya akan *detailkan* sedikit. Daripada segi perancangan yang lemah, daripada segi reka bentuk dan skop kerja mengakibatkan lewat siap, saya sebut tadi 389 hari dan kos telah meningkat RM300,000 lebih. So, secara *detail* ada di muka surat 183. Kementerian perlu memastikan kontraktor menyediakan jadual perancangan projek secara terperinci sebelum kebenaran memiliki tapak, di samping meneliti perhitungan harga yang tidak tepat atau rendah disebabkan terlalu ingin memenangi tender projek berkenaan.

■1120

Kemudian, isu kelewatan menduduki bangunan selama 25 bulan, ini disebabkan perabot lewat dan juga hiasan dalaman juga lewat siap. Bangunan hanya diduduki selepas tempoh tanggungan kecacatan pembinaan tamat tempoh. Kualiti kerja pembinaan kurang berkualiti. Walau bagaimanapun telah dibaiki selepas teguran Jabatan Audit seperti tempat letak kereta, daripada segi kualiti cat berkulat, berlaku resapan air, bilik di aras 12, bilik royal dinding papan tertanggal. Di bumbung rata aras 1 *waterproofing membrane* menggelembung, belum diambil tindakan yang ini.

Kerja *mechanical, electrical* juga tidak sempurna seperti lukisan litar tidak dilekatkan. Tiada penyambungan kabel bumi, bilik gegelung hos kunci pintu tidak diletakkan di dalam *brake glass* yang disediakan. Bahagian aras bumbung- *bracket* untuk menyokong motor dan *truckling electric* berkarat dan mudah lentur yang berkarat dan tidak dicat. Kemudian, kualiti kerja penyelenggaraan generator 180KVA dan 500KVA kurang memuaskan. Sepatutnya disenggarakan pada September 2014 akan tetapi masih belum dilaksanakan. Ada tujuh CCTV tidak berfungsi semasa pengauditan.

Mengikut laporan maklum balas telah diperbaiki pada 13 Disember 2014. Tidak mewujudkan kontrak formal dan menandatangani kontrak dengan segera dan tidak mematuhi garis panduan perolehan secara rundingan terus. MoF pada April 2012 telah meluluskan lantikan perunding NRY Architects Sdn. Bhd. secara rundingan terus bagi kerja-kerja hiasan dalaman. Garis panduan rundingan harga perolehan yang diluluskan, rundingan terus bertarikh 23 Mac 2008 menetapkan perlu diselesaikan tidak lebih daripada dua minggu. Walau bagaimanapun kita dapat mereka mengambil masa 10 bulan sebelum SST dikeluarkan dan mengambil masa enam hari selepas Lembaga Perolehan memuktamadkan harga.

Punca kelewatan perunding enggan untuk mengurangkan harga dan rundingan terus dibuat hingga 18 Januari 2013. Mengikut jawapan MINDEF, MINDEF telah berjaya mengambil masa 10 bulan dan ada penjimatan RM1.89 juta. Langkah masa depan, rundingan harga akan ditetapkan masa selama satu bulanlah. Itu sebagai asas bagi isu-isu projek bagi pembinaan Wisma Perwira, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi: JKR langsung tidak terlibat dalam ini ya?

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen dan Kabinet) Kementerian Kewangan]: Ia JKR dalaman.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Di MINDEF ada Unit Kejuruteraan.

Tuan Pengerusi: Dia bukan JKR lah? Maknanya personnel JKR dalam itu?

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(KA), Jabatan Perkhidmatan Awam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Personnel?

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Anwari bin Suri: Beruniform, tentera. Kolonel.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Contohnya, arkitek...

Tuan Pengerusi: Kenapakah begitu?

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Soalnya bukan memang dibolehkan. Soalnya apa fasal begitu?

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Memang daripada awal wujudnya MINDEF itu memang dikecualikan. Maksudnya, dia dalam pengendalian projek ini sama ada kita ada own klinik or JKR...

Tuan Pengerusi: Tidak, bukan. Maksud saya, kenapa punya banyak jabatan kerajaan, kementerian yang pakai JKR, kenapakah angkatan tentera ini tidak pakai JKR?

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, kalau boleh saya...

Tuan Pengerusi: I tahu.

Encik Rosli bin Yaakub: Kalau boleh saya maklumkan. Di dalam MINDEF, di dalam tentera, dia memang ada satu team yang qualification on engineering, Engineer. Jadi, ini sebenarnya bukan sahaja untuk kerja-kerja sivil yang begini tetapi yang melibatkan operasi tentera dan sebagainya, memang perlu ada.

Tuan Pengerusi: ...Ini buat bangunan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Projek yang *strictly* sivil kecuali ada...

Tuan Pengerusi: Satu lagi, peruntukan keluar daripada Kementerian Kewangan. Rundingan terus ini Kementerian Kewangan yang luluskan kan?

Encik Rosli bin Yaakub: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Bukalah mikrofon... *[Ketawa]*

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, *actually* begini tetapi saya tidak tahu dia punya *background*. Ada juga, bukan saya hendak katakan kebanyakan itu tidak tetapi ada yang di mana rundingan terus ini diminta oleh kementerian yang berkenaan kepada Kementerian Kewangan, diminta. Akan tetapi dalam kes ini saya tidak pasti.

Tuan Pengerusi: Lagi satu, *design and build issue*. So, mereka tentukan semua?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Rosli bin Yaakub: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ya lah. Akan tetapi maknanya memang ini 100% tenteralah ya? Tidak ada orang lain yang boleh dipersalahkanlah kalau ada masalah.

Encik Rosli bin Yaakub: Encik Ali ada tubuhkan siasatan, *I think* dia boleh *explain*.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Tuan Pengerusi bagi kes ini, PFI ataupun *design and build*, kontrak dia *award* kepada Bisraya, mereka semua. Akan tetapi dia punya rujukan, *request for proposal and everything from MINDEF*. Jadi, *design and build* mereka yang mereka bangunan, bentuk dan lain-lain, *based* kepada amaun ataupun peruntukan yang diluluskan. So, *most 100% is* kontraktorlah. Akan tetapi dalam pelaksanaan dia masih di monitor oleh MINDEF, bahagian teknikal dia mengantikan, macam biasa kita buat JKR.

Tuan Pengerusi: *I hairan itu fasal apa dalam ini Jabatan Audit kata ada VO yang tidak diluluskan. So, kalau design and build it should be 100% contractor apa. Fasal ada VO tidak diluluskan pula. Maknanya daripada awal sepatutnya design has already been agree. Maknanya...*

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Yes. Tuan Pengerusi, dalam PFI memang syarat *design and build* ini maknanya tidak ada VO dalam peraturan dia. Walau bagaimanapun, VO dibenarkan kepada tiga keadaanlah. Pertama, daripada segi keselamatan, yang kedua *structure* dan yang ketiganya ada dalam bentuk apa. Itu dibenarkan. Akan tetapi kebiasaannya tidak ada. Kontraktor ini apabila dia *award* kepada dia, dia sendiri akan melantik arkitek dan yang lain-lainnya di bawah kuasa dia yang *private* jugalah. Dia yang kontrol.

Tuan Pengerusi: Saya teringat macam Empangan Paya Peda. Kita ingat dulu *design and build* kontraktor yang buat semua tetapi rupanya dia punya *design* dan semua itu konsultan lain bukan kontraktor. Itulah, akan tetapi yang ini sepatutnya sudah *design and build* dan kontraktor yang buat semua akan tetapi patutnya *everything* sudah *agree from up front*, sudah tidak ada lagi perubahan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Itulah saya rasa di sini kalau- tidak tahu, saya tidak tengok *detail* mungkin *there is a changes by clients because normally when you do the design and build you get the brief from the clients then you do the design and build then you agree the price. Maybe along the time of the construction the client may want to have some changes. So, because of those changes maybe, that is where the VO comes in.*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *That VO itu fasal apa? Boleh bagi details? Hendak tahu yang client punya request.*

Tuan Pengerusi: Apakah dia punya butiran VO dia itu?

Puan Hajah Nooriman binti Sulaiman [Penolong Pengarah Audit (Pertahanan) Jabatan Audit Negara]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: *Walaikumsalam.*

Puan Hajah Nooriman binti Sulaiman: VO dia ada sebanyak tujuh. Namun lima daripadanya okey, diapprove tetapi enam dan tujuh tidak diapprove.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Nooriman binti Sulaiman: VO dia merangkumi skop kerja pembesaran *main entrance, second entrance* dan lain-lain ruang berkaitan dan satu lagi skop kerja menaik taraf kemasan lantai lobi utama, lobi aras satu dan lobi lif.

Tuan Pengerusi: Ya lah benda-benda macam ini patutnya *basic*. Patutnya sudah awal-awal buat. Lepas itu, saya hendak tanya juga kompetensi *Unit Engineering* Angkatan Tentera ini kerana tidak ada siapa yang pantau mereka pun. Kalau JKR itu selalulah, macam sudah jadi kelaziman PAC jumpa JKR tiap-tiap tahun kan. Akan tetapi yang macam unit di angkatan tentera ini kita jarang-jarang jumpa mereka dan siapa yang pantau mereka kan?

■1130

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, kita bimbang dengan JKR. Kita rasa *maybe another method would be design and build by consultant* pun masalah juga. So, kita kadang-kadang tak tahu *which is the better method* ini.

Tuan Pengerusi: Salah satu cara penambahbaikan yang boleh dibuat, ada pemantauanlah kepada kualiti kerja unit *engineering* ini dalam Kementerian Pertahanan ini.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Tuan Pengerusi, bagi kes Wisma Perwira ini, memang fungsi JKR itu diambil alih oleh Bahagian Teknikal mereka.

Encik Rosli bin Yaakub: KOR jurutera.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Bukan KOR jurutera dia. Bahagian kejuruteraan mereka. Bukan KOR jurutera. Bahagian kejuruteraan dia. Teknikal dia. Okey, bagi kes Wisma Perwira...

Datuk Haji Anwari bin Suri: So, nama bahagian itu...

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: BPKP.

Datuk Haji Anwari bin Suri: ...Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan atau *short name* BPKP.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Okey.

Datuk Haji Anwari bin Suri: ...Diketuai oleh Ketua Pengarah Sivil.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Sebelum Wisma Perwira ini dibina, arahan daripada Panglima Angkatan Tentera, dilantik seorang *three star* Jeneral untuk *heading* kepada ataupun mengawas pelaksanaan Wisma Perwira ini sendiri. So, selain daripada mesyuarat teknikal projek, bahagian ini juga, unit Wisma Angkatan Tentera ini ia ada mesyuaratnya *every month*. *Monitoring*. So, dengan kata lain mesyuarat tapak *every month* dan juga mesyuarat koordinasi diselia oleh yang dilantik oleh Angkatan Tentera sendiri dan dia bertanggungjawab terus kepada KSU dan juga Panglima Angkatan Tentera.

Dia *report every month progress* kepada ini. So, daripada segi kebiasaananya memang ada satu *layer* yang selain daripada kementerian, KSU *every month* mesyuarat pembangunan dan juga di bawah kementerian ada mesyuarat teknikalnya dan juga mesyuarat projek, *the third layer* yang *supervise this* pelaksanaan Wisma Angkatan Tentera ini. *Personnel* daripada Panglima Angkatan Tentera, dia nak yang itu.

Tuan Pengerusi: Ya lah tetapi soalnya, dengan pemantauan itu pun lewat lebih setahun. So, kalau tak ada pemantauan itu lewat tiga tahun... *[Ketawa]*

Datuk Haji Anwari bin Suri: So, macam semalam saya pergi ke Kem Batu Pahat bersama dengan seorang kolonel yang ada *degree engineering*, so berpangkat kolonel. So, daripada segi *practicing*, mereka seorang jurutera. Dia ada KOR jurutera seperti di JKR...

Tuan Pengerusi: *Differencenya*, dia "Ir." kah tak "Ir.", atau dia "Ar."?

Datuk Haji Anwari bin Suri: "Ir."

Tuan Pengerusi: "Ir.", oh!

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: ...*It's done by the consultant and then supervision, monitoring, everything, by the Army, kan?*

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: ...Semua itu saya rasa DBKL. Cuba semak balik arahan untuk *start work*, kelulusan DBKL.

Encik Rosli bin Yaakub: DO, DO.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: DO dia, dan *Work Order* dia DBKL.

Tuan Pengerusi: Nanti boleh tanya lah benda ini. Okey, ada apa-apa nak tambah lagi sebelum kita panggil masuk?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Okey, Yang Berhormat Limbang, *settle* hari ini?

Tuan Pengerusi: Okey, kita serah dekat Yang Berhormat Limbang sebagai *consultant engineer* kita yang tak bergaji... *[Ketawa]*

Encik Rosli bin Yaakub: Cuma saya nak tambah Tuan Pengerusi. Apabila kontraktor melantik konsultan-konsultan ini, sebenarnya bayaran kepada konsultan ini dimasukkan dalam bayaran kepada *main contractor*. *Main contractor* bayarlah.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: Tuan Pengerusi, salah satu daripada perubahan kerja ini, item nombor satu itu, bayaran yuran sumbangan, *contribution fees*. RM1.33 juta itu apa dia itu ya? Bayaran yuran sumbangan atau *contribution fees*.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: DBKL kah?... Tuan Pengerusi, yang itu tak apa. Nanti disemak. Ada satu kalau saya tak silap, satu kes dia *refer* kepada PAC, fasal Encik Rosli sebut tadi, kerja-kerja ini dibuat oleh *main contractor*. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan projek ini, terdapat empat orang kontraktor yang lainlah, daripada segi *design* dan sebagainya dan juga konsultan yang berkaitan dengan projek ini dilantik oleh *main contractor*.

Ada saya lihat *appeal* dihantar kepada PAC mengatakan, *certain fees*, yuran RM2 juta lebih tidak dibayar kepada yang itu. *If I am not mistaken* lah. Ada kepada PAC dan masih dalam rujukan timbang tara, dia *appeal*.

Tuan Pengerusi: Macam mana pula itu?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Consultant* minta lah?

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Ya, konsultan minta.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *No, no. The contractor, the main contractor.*

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Bukan. Konsultan minta kepada *main contractor* dan dia pergi *refer* kepada timbang tara. *One case*. Kalau tak silap ada PAC lah.

Tuan Pengerusi: *I* tak faham. Maksud *you* ada *nominated subcontractor* kah?

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Yes, yes. Bila kontraktor Bisraya, dia juga akan melantik konsultan di bawah dia lah. So, ada *certain payment* kalau saya tak silap, dia tidak- mereka tak puas hati. So, ada *dispute among them and one copy* kalau tak silap, dia *refer* ke PAC.

Tuan Pengerusi: Selalunya itu ada *nominated subcontractor*.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Macam apa yang berlaku dalam KLIA2 lah. Walaupun kontraktor dilantik tetapi ada bawah itu *nominated subcontractor* yang diminta oleh pengurusan lah, klien. Itu pun satu hal lain, kan? Dah lah perundingan terus, lepas itu ada *nominated subcontractor* bawah itu.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Atau *originated* daripada mana tak? Kan kita cerita macam *dam* dahulu *is originated by* MoF., kan Kementerian Pertanian tidak tahu benda, tiba-tiba datang sahaja wahyu. Ini dia punya original- datang daripada mana projek ini? Adakah ini *initiate* daripada MoF dulu, lepas itu bagi kepada MINDEF?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Haji Anwari bin Suri: Nak jawab tadi Yang Berhormat. So, Wisma ini asalnya dikenali sebagai "Wisma Perwira Kementah", di mana bangunan telah diubahsuai dari bangunan yang telah ditinggalkan oleh tentera British. Ini dari zaman Kolonial.

Mengenai soalan tadi, *proposal* itu daripada Kementerian Pertahanan.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Haji Anwari bin Suri: Pembangunan ini dari zaman Kolonial, tentera British.

Encik Rosli bin Yaakub: ...Mana, daripada MINDEF?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Wisma Perwira Kementah.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

[Saksi-saksi dari Kementerian Pertahanan, dan Wisma Perwira ATM masuk mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

■1140

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasihlah. Yang Berbahagia Dato' Sri Abdul Rahim; Dato' Dr. Rothiah; dan Dato' Mohamad Foad. Pagi ini kita ada tiga perkara yang hendak kita tahu. Sudah sampai sudah. *Just beginning. I just said that we want to discuss three things. Okay, you carry on.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih... *[Ketawa]* Dato' Sri Abdul Rahim, kita berjumpa dalam kapasiti lain pula. Hari ini Dato' datang sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (KSU). Dulu KKM kan?... *[Ketawa]* Jadi, selamat pagi saya ucapkan kepada Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi selaku Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Yang Berbahagia Dato' Dr. Rothiah binti Haji Omar selaku Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan; dan Yang Berbahagia Dato' Mohamad Foad bin Haji Abdullah selaku Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian Pengurusan.

Jadi, tujuan kita panggil Kementerian Pertahanan pada hari ini adalah untuk mendengar penjelasan mengenai pengurusan tiga projek yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014, Siri 1. Projek pertama ialah projek pembinaan pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia di Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Kedua ialah, pengurusan prasarana dan kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur; dan ketiga ialah pengurusan pembinaan Kolej Tentera Udara di Kepala Batas, Kedah.

Jadi, saya hendak bagi maklum kepada Dato' Sri Abdul Rahim, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak pakai bilik ini jam 2.30 petang. Kita berharap sebenarnya hendak selesaikan ketiga-tiga perkara ini hari ini, kalau tak boleh selesaikan, kita kena tangguhkan dan panggil pada hari lain. Jadi, saya hendak cadangkan pada hari ini kita tumpukan ikut prioriti yang saya sebutkan tadi, jadi kita pergi kepada pembinaan dan pengurusan Wisma Perwira dulu. Kalau habis dan ada masa kita sambung kepada perkara kedua itu iaitu pengurusan prasarana dan kemudahan Wisma Transit.

Saya cadang kita habiskan jam 1 untuk beri peluang kepada pegawai-pegawai kementerian untuk menyediakan bilik ini untuk kegunaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekejap lagi. Jadi, kita fokus pada Wisma Perwira dulu ya. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara dalam pengauditan Wisma Perwira ini kelemahan yang telah ditemui yang paling utama ialah:

- (i) kelewatan siap 389 hari;
- (ii) kos pembinaan yang meningkat;
- (iii) arahan perubahan kerja yang tak diluluskan;
- (iv) kelewatan menduduki;

- (v) ketiadaan kontrak formal; dan
- (vi) tidak mematuhi garis perolehan rundingan terus.

Isu kualiti pun ada ditimbulkan.

Jadi, memandangkan projek ini merupakan projek yang diuruskan sepenuhnya oleh Kementerian Pertahanan. Selalunya dalam projek-projek pembinaan yang lain, JKR yang uruskan tetapi dalam hal ini angkatan tentera ada dia punya core kejuruteraannya sendiri, dan sebagainya yang menguruskan projek ini. Jadi, itu saya rasa juga kita sudah pandang serius mengenai perkara ini, mengapakah projek ini masih bermasalah? Jadi tanpa melengahkan masa lagi saya minta Dato' Sri Abdul Rahim untuk hendak berikan taklimat selepas itu kita mulakan sesi soal jawab. Dato' sudah biasakan datang PAC? Sudah tiga kali dalam masa sesi Parlimen kali ini, kan? Ya lah, jadi Dato' tahu lah kan?

Seperti biasa ada apa-apa yang tak sensitif hendak cakap, buka mikrofon. Kalau ada sensitif tutup mikrofon bila bagi taklimat tersebut. Jadi, saya jemput Dato'. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi [Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan]:
Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berbahagia Datuk Haji Anwari, Timbalan Ketua Audit Negara; pegawai-pegawai kanan agensi-agensi pusat; pegawai kanan daripada Kementerian Pertahanan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya dengan izin Yang Berhormat, ingin memberi sedikit taklimat pengenalan dan latar belakang berkaitan ketiga-tiga isu MINDEF Yang Berhormat sebut tadi yang berbangkit di dalam Laporan Ketua Audit Negara, Siri 1, Tahun 2014.

Sebelum itu Yang Berhormat, saya ingin memperkenalkan dulu beberapa orang pegawai penting yang akan mengambil bahagian secara langsung seperti mana yang disebut tadi, Yang Berbahagia Dato' Dr. Rothiah binti Haji Omar, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan; Yang Berbahagia Dato' Mohamad Foad bin Haji Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan; Yang Berbahagia Dato' Che Mohd. Shukri bin Che Hassan iaitu Setiausaha Bahagian Audit Dalaman dan Siasatan Am; Yang Berbahagia Dato' Jalil bin Jaafar, Ketua Unit Integriti, SPRM ya; Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim, Setiausaha Bahagian Pembangunan; Encik Abdul Razak bin Jaafar, Setiausaha Bahagian Kewangan; Wakil Penasihat Undang-undang Encik Muhammad Firdaus bin Yaacub; Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah, Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan Pembangunan; Yang Berbahagia Mejor Jeneral Dato' Dr. Sukri bin Hussin iaitu Yang di-Pertua Wisma Perwira ATM, *in shaa-Allah*.

Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Abu Suffian bin Haji Ahmad iaitu Ketua Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan, ini Yang Berhormat sebut tadi itu.

Encik Mohd. Rezwan bin Abd. Razak, Ketua Penolong Setiausaha Awam Khidmat Bahagian Pembangunan; Leftenan Kolonel Ratenah binti Ismail Ketua Sel Ukur Bahan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan; Mejari Faridah binti Rakidin, Penolong Setiausaha 2 Team Perunding Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan; Puan Parimala A/P Suparammanayam, Penolong Setiausaha Awam/3 Khidmat dari Bahagian Pembangunan; dan juga Puan Zurifah binti Zuhairon, Ketua Tim Penyiasat Penyediaan Projek ini, kertas projek.

Ini baru Wisma Perwira ini Tuan Pengerusi, ada lagi dua *team* menunggu di luar. Saya hanya mencadangkan sekiranya jadi nanti, boleh pergi ke topik dua, tiga, baru dia orang datang secara bergilir untuk *present*.

Tuan Pengerusi: Saya rasa ini hari boleh suruh mereka balik dululah, kita yang *team* Perwira dululah, fasal masa pun tak banyak.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Kita sudah rancang untuk dapatkan bilik ini tiga hingga empat jam tetapi nampaknya ada halangan. Hari ini kita fokus Wisma Perwira dululah.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: *They were here since 10 am just now, so saya nak suruh mereka balik pun tak sampai hati, but we can inform them.*

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Sorry lah, sebab itu *until Parliment punya renovation is incomplete* inilah dia, sebuah bilik sahaja yang kita ada, yang lain tak ada. Berebut semua.

■1150

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya teruskan. Okey, ini ialah ketiga-tiga perkara yang telah terkandung dalam LKN 1/2014. Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Kolej Tentera Udara (KTU) dan juga Wisma Transit Kuala Lumpur. Sedikit latar belakang tentang Wisma Perwira ATM. Ini ialah yang dipaparkan sebagai latar belakang sepenuhnya...

[Pembentangan dibuat merujuk kepada paparan slaid]

Tarikh yang warna merah itu perkara-perkara ataupun butir-butir maklumat yang penting, yang menjadi asas dan panduan. Jadi, ini secara rundingan terus, cara reka dan bina, tarikh mula tahun 2008, tarikh siap tahun 2011. Sepatutnya, sebenar tahun 2012, 389 hari EOT. Tarikh mula diduduki - 19 Julai 2014. Ini adalah daripada segi *team* pembina, perunding, arkitek, C&S, M&E, juruukur bahan. Itulah yang APK, yang disebut tadi APK 1 sehingga APK 7. Ini mungkin kita reserve untuk *the next sesi* Yang Berhormat, pasal kita kesuntukan masa.

Daripada tiga perkara ini, Jabatan Audit Negara telah pun mendaftarkan 35 penemuan secara keseluruhan. Saya bagi satu gambaran yang menyeluruh. Untuk Wisma Perwira - 19 penemuan, kita telah selesai kesemua penemuan daripada segi tindakan. Lain itu juga dipaparkan. Jadi, penemuan 35, selesai 34, 1 sahaja tindakan luar agensi iaitu JKR untuk KTU. Itu mungkin kita boleh perinci dalam pembentangan untuk KTU nanti.

So, ini adalah *pie chart* yang menggambarkan keadaan sekarang untuk keseluruhannya 1/2014, selesai 34, dalam tindakan MOD tiada, MINDEF dan tindakan agensi lain, JKR Kedah 1. Ini ialah pecahan bagi ketiga-tiga projek, yang satu itu adalah yang saya sebut tadi masih status tindakan di bawah KTU.

Ini ialah beberapa perkara yang saya ingin tonjolkan Yang Berhormat, tindakan-tindakan yang kita buat yang mencerminkan pembahagian iaitu preventif, korektif dan punitif untuk setiap satu projek. Semuanya kita lihat di mana yang sesuai, kita melaksanakan tindakan-tindakan iaitu mengadakan atau mewujudkan SOP baru, arahan kerja, aliran kerja dan sebagainya. So, *these are the things* yang kita telah buat melalui usaha untuk membuktikan bahawa ia dilaksanakan dengan niat supaya tidak berulang lagi. Jadi, ini jugalah yang telah kita kemukakan ke Jabatan Audit Negara untuk membuktikan. *Alhamdulillah*, telah pun dicatatkan bahawa kita masih ada satu lagi tindakan yang masih dalam tindakan agensi luar.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini tindakan kepada pegawai kakitangan kah..?

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Ini ialah tindakan dalam kementerian terhadap kesemua penemuan Audit Negara. Maknanya, sekiranya...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Punitif bermaksud?

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Bermakna, untuk Wisma Perwira kita ada 19 penemuan. Jadi, daripada 19 penemuan itu, kita lihat di manakah tindakan penambahbaikan yang kita perlu buat. Jadi, tindakan penambahbaikan itu kita bahagikan kepada tiga iaitu preventif, korektif dan juga yang mana telah dikenal pasti ada juga tindakan secara punitif yang dilaksanakan oleh jawatankuasa siasatan di bawah JPA. Jadi, ini adalah *dashboard* yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Audit Negara dan Jabatan Audit Negara telah mengenal pasti daripada 35 itu, 24 isu utama yang mana menjadi ukuran kepada sama ada jabatan ataupun kementerian itu telah pun mengambil tindakan sepenuhnya.

Jadi, untuk Wisma Perwira, kami telah dimaklumkan oleh Jabatan Audit Negara dalam *dashboard* itu sendiri, *online*, telah ditandakan hijau, bermakna di situ adalah telah pun diambil tindakan. Dalam tindakan yang kuning saya sebut itu ada satu iaitu KTU, iaitu berkaitan dengan stor peluru yang mana masih lagi belum didirikan pagar. Lain itu semua selesai Yang Berhormat. Jadi, dengan izin Yang Berhormat dan juga Mesyuarat, saya ingin menjemput *team* Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia untuk memulakan pembentangan. Terima kasih.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Tuan Pengurus, sebelum *team*- saya ingin memberi maklumat tambahanlah daripada segi tindakan punitif, yang korektif adalah di bawah *dashboard* Ketua Audit Negara dan punitif di bawah JPA. Kalau pegawai itu Gred 48 dan ke atas, kalau angkatan tentera sendiri di bawah suruhanjaya mereka. Juga kalau Gred 48 ke bawah 44, oleh kementerian sendiri. Bagi ketiga-tiga yang ditimbulkan ini ada dua sahaja kes punitif iaitu kes Transit dan juga Wisma Perwira. Walau bagaimanapun, daripada siasatan oleh jawatankuasa siasatan yang kita tubuhkan, Wisma Perwira tiada pegawai yang dipersalahkanlah dan Wisma Transit ada dua orang pegawai yang kita persalahkan.

Peringkat tindakan, kita telah pun mengemukakan surat pertuduhan dan sedang menunggu representasi daripada pegawai. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Boleh tau, apa bentuk tindakan punitif itu untuk Wisma Perwira sahaja yang...

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Wisma Perwira ini adalah berkaitan dengan arahan perubahan kerja yang...

Tuan Pengerusi: Arahan perubahan kerja.

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: ...Tidak diluluskan. Daripada siasatan kita dapat memang tidak ada pegawai yang tidak mematuhi peraturanlah. Hanya kelulusan itu di peringkat jawatankuasa tidak meluluskan dan di peringkat *Treasury* pun tidak meluluskan arahan kerja itu. Nanti mereka akan terangkanlah asas-asas.

Tuan Pengerusi: Okey, baik.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Tuan Pengerusi, saya menjemput Mejari Jeneral Dato' Dr. Sukri bin Hussin, Yang di-Pertua Wisma Perwira ATM. Silakan Dato'.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin [Yang Dipertua Wisma Perwira ATM]: Terima kasih Dato' Sri. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Untuk penemuan yang pertama iaitu mengenai penemuan anai-anai semasa lawatan Audit Negara di Bangunan Wisma Perwira. Selepas penemuan tersebut, kita telah ambil tindakan untuk membuat pemeriksaan seluruh bangunan luar dan dalam. Pembasmian anai-anai telah pun dilakukan oleh pihak kontraktor bangunan yang mana mereka mempunyai *warranty* selama lima tahun, yang berakhir pada bulan Mac 2017. Panel-panel yang rosak yang mana dimakan anai-anai telah pun diganti oleh kontraktor ID. Punca anai-anai tersebut dalam pemeriksaan didapati ia bukannya berpunca daripada tanah tetapi kemungkinan daripada kayu yang digunakan untuk panel ataupun mungkin daripada pokok-pokok bunga yang dimasukkan untuk hiasan semasa majlis-majlis. So, punca spesifik kita tidak dapat tentukan.

Untuk preventif, kita telah mengadakan- wisma dikendalikan oleh pihak swasta. Dalam satu daripada tugas dan tanggungjawab mereka melakukan pemeriksaan berkala iaitu setiap bulan mereka akan melakukan pemeriksaan. *Not only just for anai-anai* tetapi untuk *pest-pest* yang lain. Mereka akan mengemukakan laporan bulanan. Kerja-kerja mereka ini dipantau oleh *team* pemantau Wisma Perwira ATM. Itu sahaja Tuan Pengerusi, untuk penemuan yang pertama.

■1200

Untuk penemuan yang kedua iaitu pelantikan kontraktor membekal, memasang, menguji dan mentauliahkan sistem peralatan dapur, saya ingin menjemput Setiausaha Bahagian Pembangunan iaitu Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim untuk memberi penjelasan yang lanjut.

Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim [Setiausaha Bahagian (Pembangunan) Kementerian Pertahanan]: Assalamualaikum, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Untuk makluman, isu membekalkan, memasang, menguji dan- sistem dan peralatan dapur dibuat oleh Syarikat Ingenious AirCycle Engineering (IACESB).

Pemilihan syarikat ini dibuat secara tender terbuka dan pihak kementerian sedar semasa pemilihan dibuat oleh lembaga, profil syarikat telah pun diambil kira oleh sebab tender ini merupakan tender terbuka, faktor *locality* bukanlah menjadi satu faktor utama dalam pemilihan.

Pemilihan dibuat berdasarkan keupayaan syarikat melaksanakan dan juga harga yang ditawarkan itu adalah berpatutan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada teguran oleh pihak Jabatan Audit, pihak Lembaga Perolehan di Kementerian Pertahanan telah mengambil maklum perkara ini dan menjadikan satu amalan mulai sekarang bahawa faktor *locality* juga diambil kira untuk projek-projek ataupun tender-tender yang dipertimbangkan pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi: Yang ini, kontrak ini ditentukan oleh kontraktor utama?

Tuan Haji Mohd Shabudin bin Ibrahim: Ya.

Tuan Pengerusi: Dia buat secara rundingan terus atau *open tender*?

Tuan Haji Mohd Shabudin bin Ibrahim: Terbuka. *Open tender*.

Tuan Pengerusi: *Open tender*, ya. Akan tetapi yang diuruskan oleh *main contractor*?

Tuan Haji Mohd Shabudin bin Ibrahim: Tidak. Ini Lembaga Perolehan Kementerian.

Tuan Pengerusi: Okey, tetapi projek ini projek *design and build*.

Tuan Haji Mohd. Shabudin bin Ibrahim: Ini dia kena sebanyak 3 buah komponen, ini berasingan untuk peralatan dapur. Pemilihan perabot lengkap ataupun perabot mudah alih dan juga alat AV. Ini sebenarnya kementerian pun mengambil perhatian serius ke atas teguran ini dan kini hanya Jawatankuasa Penilaian Tender yang dilantik sahaja yang boleh melaksanakan penilaian tender mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia.

Jadi amalan ini pada waktu itu, kita perhatikan ini teguran dibuat oleh pihak Treasury ke atas Lembaga Perolehan dengan memindah dia punya kaedah pemilihan dari *cut off* kepada perbandingan harga. Kita mengambil maklum teguran berkenaan dan ini pun kita jadikan amalan pada masa hadapan, bermakna jawatankuasa yang dilantik sahaja akan membuat penilaian sebagaimana yang dibenarkan. Tidak ada lagi pihak-pihak yang tidak dilantik dibenarkan untuk memberi ulasan ke atas sebarang penilaian teknikal dibuat oleh *team teknikal*.

Tuan Pengerusi: Tadi JPA, soal tindakan punitif ini sebenarnya tak dikenakan pada ketika kontrak ini diluluskan, prosedur itu tak ada lah? Oleh sebab tadi *statement* daripada beliau tadi itu kata...

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Dia ada...

Tuan Pengerusi: Bukan lembaga tender, orang yang dikenal pasti yang buat kelulusan atau ada orang lain lagi yang terlibat?

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: Ya, Tuan Pengerusi. Asas JPA mengambil tindakan adalah berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara. Bila Laporan Ketua Audit Negara keluar, dia mengatakan ini *corrective*, ini *punitive*. Di dalam *punitive* itu sendiri, dia telah mengatakan pemerhatian dia kepada perkara ini. Bagi kes Wisma Perwira, pemerhatian dia kepada arahan perubahan kerja. Ada unsur *punitive*. Akan tetapi yang lain-lain tidak dinyatakan. Jadi, JPA tidak menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji yang lain-lain itu. Hanya kepada itu sahaja asas dia, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jawapan kementerian, Jabatan Audit boleh terima?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Kita ada...

Tuan Pengerusi: Saya tahu, saya tahu.

Datuk Haji Anwari bin Suri: ...Pegawai Bahagian Susulan Audit (BSA) boleh jawab.

Encik Nikrul Tarmizi bin Awalludin [Timbalan Pengarah, Jabatan Audit Negara]: Mungkin boleh terima.

Tuan Pengerusi: Atas dasar apa?

Encik Nikrul Tarmizi bin Awalludin: Mungkin daripada segi *materiality*.

Tuan Pengerusi: *Materiality* sahajalah. Akan tetapi orang kata ketika itu prosedur itu tak ada. Jadi nak salahkan orang pun tak boleh.

Encik Nikrul Tarmizi bin Awalludin: Tak boleh. Tidak boleh nak pegang kepada asas.

Tuan Pengerusi: Okey lah, jadi ini juga kesalahan atasan tidak buat SOP yang berkenaan.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Kita dah buat penambahbaikan.

Tuan Pengerusi: Dah buat ya. Saya baca ini, segala projek ini semua sekarang yang atas RM50 juta masuk *lab* kan? Sekarang dah masuk *lab* ya? Dulu tak masuk *lab*?... *[Disampuk]* Bagus juga Kementerian Pertahanan dapat pengecualian. Orang lain semua kena masuk *lab*. Unit Perancang Ekonomi apa...

Encik Ahmad bin Ali [Timbalan Pengarah, Unit Perancang Ekonomi]: Pelaksanaan VM ini, Makmal Pengurusan Nilai di laksana semasa dalam tempoh RMK-10. Sebelum itu memang tak ada lagi.

Tuan Pengerusi: Nak *clear* itu sahaja. Okey.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, sebelum kita berpindah kepada ini, yang sebelum itu tadi. Ini nak *clarify* fasal M&E ini. Kalau kita lihat *audit report* itu bangunan ini ialah *design and build*. Jadi, saya baca *audit report* ini, dia M&E ini dikeluarkan daripada *the main construction*. Jadi, masa kalau sudah *the first tender* itu, *design and build* dikeluarkan, M&E dikeluarkan, macam-macam lah. So, yang dibuat oleh kontraktor ini buat bangunan sahaja, tak ada *electrical*, tak ada bab-bab bahagian ini. Itu kita nak pasti.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yang Berhormat, *actually* M&E itu hiasan dalaman, *not the infrastructure* punya M&E, ia M&E untuk hiasan dalaman, *interior* atau ID.

Tuan Pengerusi: Kenapakah *you* bawa keluar? Fasal selalunya- ya lah kalau *you* dah *design and build*, *then you* dah *pass responsibility* kepada kontraktor. Kalau *you take out*, maknanya kalau ada masalah, kontraktor kata bukan hal dia. Satu lagi yang saya nak tanya juga, fasal apa, ada atau tidak insiden *nominated subcontractor* dalam hal ini? Maknanya, selalunya bagi *design and build*, *you* suruh dia buat semua, kan? Termasuk ID semua. Dalam hal ini bila ditarik keluar, timbul dalam pemikiran saya, ada tak insiden *nominated subcontractor*? Fasal kontrak ini diberikan secara rundingan terus.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yang Berhormat, M&E ID ini dikeluarkan oleh sebab semasa pembinaan bangunan ini, peruntukan tidak mencukupi semasa itu. Bajet tak mencukupi.

Untuk M&E hiasan dalaman *it is a separate budget. Only after the building is completed* baru kita dapat peruntukan tersebut.

Tuan Pengerusi: *I think Dato' Sri Abdul Rahim pun dah pernah kena hal ini di KKMM dulu, Pusat Berita RTM. Buat bangunan, lepas tu tak minta peruntukan untuk peralatan dalaman. Isu ini kalau you nak buat, tajuk dia nak buat Pusat Perwira itu, dia mesti *complete* semua. Peruntukan mesti dilengkapkan. You tak boleh kata you nak buat bangunan ini peruntukan tak cukup, lepas itu you minta lain.*

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Di dalam kita punya permintaan untuk peruntukan itu memang dimasukkan. Akan tetapi kita dinasihatkan fasal duit tak cukup, dikeluarkan dahulu dan diberi peruntukan kemudian, selepas bangunan itu siap.

Tuan Pengerusi: Saya faham, masalahnya kita di PAC ini, bila masalah timbul, kita nak kenal pasti siapa yang tanggungjawab. Kalau kontrak ini dah pecah, jadi ada masalah dengan bangunan ini, siapakah yang kita nak salahkan? Itu yang jadi masalah. Jadi, saya harap lain kali pihak angkatan tentera jangan buat amalan beginilah. Mulakan projek tanpa peruntukan yang cukup. *Make sure* semua peruntukan dah cukup dulu. Fasal bila- inilah dia. *You faham tak?*

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Saya faham.

Tuan Pengerusi: *First, you kata design and build. Kedua, you bagi rundingan terus. Ketiga, you split* kan komponen kontrak ini. Jadi dia bukan *design and build* lagi. Apa yang kita fokus ini adalah kerana projek ini ialah projek rundingan terus. Itu sebab *alarm bell's ring*. Kalau projek ini projek tender, dia tak *attract our attention*.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yang Berhormat, kalau boleh saya minta *Project Manager*, Mej. Faridah *to give a bit of explanation*.

■1210

Mej. Faridah binti Rakidin [PS 2 Tim Perunding (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan) Kementerian Pertahanan (Wisma Perwira ATM)]: Assalamualaikum Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Berkaitan dengan yang skop ini, memang asalnya kontrak ini memang telah dipersetujui dengan kos yang lebih besar di bawah RM145 juta. Akan tetapi direscope balik, itu yang ikut skop kerja yang ada *as per contract*. Satu lagi, projek ini memang kalau kita tengok sekarang, tahun 2010 kita sudah ada dengan VMLAB yang memang pengguna dengan agensi pelaksana mengkaji keseluruhannya. Ini yang bila tiada VMLAB, awal dahulu benda itu ada *loophole* di mana-mana. Itulah.

Tuan Pengerusi: Maknanya, sekarang ini perkara ini tidak boleh berlaku lagi lah?

Mej. Faridah binti Rakidin: Ya, Yang Berhormat. *In shaa-Allah* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ini kerana sudah masuk *lab*. Maknanya, sudah dah di ini. Nama Cik ini?

Mej. Faridah binti Rakidin: Saya Mej. Faridah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Mej. Faridah apa?

Mej. Faridah binti Rakidin: Mej. Faridah binti Rakidin dari BPKP.

Tuan Pengerusi: Okey. Untuk rekod kita hendak cakap. Okey, Yang Berhormat Limbang ada apa-apa hendak tambah lagi?

Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim: Yang Berhormat, *next issue* yang berkaitan dengan kelewatan mengenai kontrak dan juga tidak dimasukkan tarikh ini. Jadi, pihak kementerian akur dengan cadangan pihak Audit sekiranya- maaf. Ini berhubung kelewatan rundingan kontrak. Di sini, kelewatan telah berlaku disebabkan oleh pihak kementerian ingin mendapatkan harga yang kompetitif dan kita menghadapi masalah dengan pihak kontraktor di sini. Jadi, kita mengambil masa yang begitu lama untuk *finalize* rundingan kontrak berkenaan. Walau bagaimanapun, kita telah berjaya untuk menurunkan harga dan menjimatkan sejumlah RM0.82 juta ataupun 27% daripada harga asal. Walau bagaimanapun, teguran ini kita mengambil maklum pada masa hadapan bahawa sekiranya rundingan itu tidak dapat *finalize* dalam tempoh yang singkat, kita akan mengambil tindakan untuk mengeluarkan ataupun memberikan tawaran kepada syarikat yang lain.

Seterusnya, daripada perjanjian kontrak didapati semakan Audit terhadap kontrak pembinaan dan hiasan dalaman mendapati kedua-dua kontrak ini telah ditandatangani, walau bagaimanapun tidak ada tarikh. Ini isu tidak ada tarikh dalam dokumen kontrak. Ini pun merupakan satu masalah teknikal. Ini merupakan satu mungkin *overlooked* Yang Berhormat. Kita telah mengambil tindakan dalaman segera mulai sekarang. Bermakna, kita telah pun mengeluarkan arahan kepada semua *desk officer* memastikan bahawa semua dokumen kontrak yang ditandatangani mesti ditarikhkan pada tarikh semasa. Jadi, kes ini merupakan satu kes *overlooked* yang kita minta maaf kerana telah berlaku tetapi ia tidak menjelaskan daripada segi kontrak berkenaan, cuma tarikh itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Soal kontrak ini pun saya ada terima sedikit maklumat. Ada tidak Kementerian Pertahanan memilih *supplier* terlebih dahulu dan tidak masukkan dalam dokumen yang sudah *pre-approved* untuk pembekalan kelengkapan kerja hiasan itu? Tadi *you* kata ini alpa apa semua, kontrak *date* pun tidak masuk, jadi maknanya daripada segi kelemahan kontrak ini memang *you* sendiri yang akui berlaku. Jadi, saya mendapat maklumat ini kata Kementerian Pertahanan memilih *supplier* macam *nominated* subkontraktorlah yang tidak masuk dalam kontrak yang *disigned* oleh kontraktor yang dipilih.

Selepas itu, *parts of the contract* yang sepatutnya dibuat oleh kontraktor ini, dia punya dokumen itu hanya diserahkan kepada kontraktor ID itu selepas kontraktor itu dipilih oleh pihak pengurusan. Satu, ia tidak masuk dalam kontrak yang mereka *signed*. Selepas itu mereka diminta untuk ambil kontraktor itu lepas kontrak sudah *signed*. Ini sebabnya berlaku kerugian dan berlaku VO kepada MINDEF.

Mej. Faridah binti Rakidin: Tuan Pengerusi, untuk isu yang berkaitan yang itu adalah yang dimaklumkan oleh kontraktor. Ini kerana kita pun menerima surat daripada kontraktor memaklumkan kementerian telah *pre-approved supplier* kepada kontraktor ID. Akan tetapi yang itu sesuatu yang tidak betullah. Cuma sewaktu kita ada buat lawatan tapak sebelum ditender kepada- kontrak ID adalah tender terbuka, kita telah menunjukkan sesiapa yang pernah. Kita tidak ada menetapkan sesiapa kontraktor ataupun *supplier* yang perlu diambil oleh kontraktor.

Tuan Pengerusi: Betul ya?

Mej. Faridah binti Rakidin: Betul.

Tuan Pengerusi: Itu *statement you* ya?

Mej. Faridah binti Rakidin: Ya, betul. Ini memang...

Tuan Pengerusi: Kalau soal pembekalan pinggan mangkuk dan sebagainya pun *you* tidak tentukan lebih awal siapa?

Mej. Faridah binti Rakidin: Tidak. Memang kita pun- Oleh sebab itu lawatan tapak untuk tender, pembukaan tender...

Tuan Pengerusi: Tidak. ID itu bangunan, satu. Kedua, pembekalan dalam itu sendiri...

Mej. Faridah binti Rakidin: Ya. Kerja-kerja pembekalan itu termasuk dalam skop ID sekali Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yalah. Akan tetapi sekarang ini ada maklumat ini kata ada kontraktor yang diselitkan selepas, yang tidak masuk dalam kontrak yang dipersetujui.

Mej. Faridah binti Rakidin: Tidak ada, sebabnya untuk kerja-kerja pembekalan pinggan mangkuk, *cutlery whatever plattting* itu semua kontraktor sendiri telah memohon supaya membuat pembayaran dalam bentuk *due assignment*. Begitulah.

Tuan Pengerusi: Dia minta?

Mej. Faridah binti Rakidin: Dia minta...

Tuan Pengerusi: Bukan *you* yang ini?

Mej. Faridah binti Rakidin: Bukan.

Tuan Pengerusi: Tidak ada apa-apa paksaan ya?

Mej. Faridah binti Rakidin: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Fasal apa, bukan ada kalau hendak lekatkan logo angkatan tentera ini bukan ada kontraktor-kontraktor tertentu sahajakah?

Mej. Faridah binti Rakidin: Tidak ada Yang Berhormat, sebab kita sewaktu lawatan tapak...

Tuan Pengerusi: Macam pinggan itu dia letak logo angkatan tentera itu hanya kontraktor-kontraktor tertentu sahaja yang boleh membekalkan kepada pihak angkatan tentera?

Mej. Faridah binti Rakidin: Tidak ada Tuan Pengerusi. Itu kita tidak tetapkan, kecuali semasa dalam lawatan tapak memang kita sudah pun ada *sample* pinggan mangkuk yang kita perlu...

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Ya. Kita buat *design* pinggan mangkuk itu dengan logo dan sebagainya, *but ia terbuka*. *They can choose any subcontractor that they want. You never detect...*

Tuan Pengerusi: Okey, tidak apalah. Maklumat ini saya minta Audit ini siasat lebih lanjut. Saya akan beri maklumat ini kepada Auditlah. Okey.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Maksudnya kontraktor itu, *engineers AirCycle* ini?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Bukan. AirCycle itu untuk dapur. Untuk ID is a Menara Rezeki Sdn. Bhd.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Menara Rezeki.

Tuan Pengerusi: Ini bekalkan dalaman dengan peralatan-peralatan dalam dewan itulah?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Dalaman dan juga- yes.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tadi yang pinggan ini?

Tuan Pengerusi: Ada tidak kes *arbitration* sekarang ini mengenai tuntutan kontraktor yang Menara Rezeki ini kepada kementerian?

Mej. Faridah binti Rakidin: Kes *arbitration* tidak ada Yang Berhormat, yang ada sekarang ialah kontraktor telah kemukakan surat kepada kementerian untuk mengangkat kes sebagai *arbitration* kes. Kontraktor beri *early information* kepada kementerian, makluman awal.

Tuan Pengerusi: Yalah, sebab itu timbul isu mengenai saya kata tadi fasal ada perkara-perkara yang sudah *agree* dalam kontrak, selepas itu dimasukkan kemudian selepas disetujui dan selepas itu menjadi VO. Akan tetapi macam ID ini *open tender* ya? *Main contractor* itu sahaja, Bisraya yang rundingan terus. Bisraya tidak ada masalah?

Mej. Faridah binti Rakidin: Bisraya tidak ada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Mej. Faridah binti Rakidin: APK yang lainlah.

Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim: Next issue Yang Berhormat, sebahagiannya tadi itulah kes dengan Bisraya berhubung dengan APK6 dan APK7 di mana APK ini kedua-dua memang tidak diluluskan dan sebaliknya pihak Treasury mengarahkan kementerian membuat bayaran secara *ex-gratia*. Pihak kementerian telah membuat semakan harga berdasarkan tuntutan yang dibuat oleh pihak kontraktor dan telah mengemukakan harga yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Tuntutan kementerian dan kementerian bersetuju untuk membuat bayaran sebanyak RM180,408.14 sahaja berdasarkan kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan menolak kerja-kerja yang *overlapping* dan sebagainya. Jadi, ini yang diperakukan, bukan sebagaimana yang dituntut oleh pihak kontraktor.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Tuan Pengerusi, untuk seterusnya saya menjemput KP BPKP, Brig. Jeneral...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Sebelum itu, ini yang tadi menuntut itulah, dia empat kontraktor di sini ini. When you talk about contractor, yang mana satu?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Bisraya. *The main contractor* for bangunan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Bisraya juga. Okey.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Seterusnya, saya jemput Jeneral Sufian.

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan), Kementerian Pertahanan, Wisma Perwira ATM]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.*

Tuan Pengerusi, penemuan seterusnya daripada Audit, kementerian dan kontraktor sepatutnya memuktamadkan reka bentuk bangunan dan spesifikasi kerja sebelum SST. Sememangnya yang telah dimaklumkan tadi, VMLAB hanya wujud pada penghujung tahun 2009 dan kontrak untuk pembinaan ini LOI nya pada tahun 2002. Jadi, pada waktu itu memang tidak ada VMLAB Yang Berhormat.

■1220

Jadi, kami akur untuk projek-projek dalam Kementerian Pertahanan memang ada VM *lab* selepas dari tahun 2009. Kementerian Pertahanan telah pun mengeluarkan arahan pentadbiran pada 17 Februari mengenai larangan perubahan ataupun pengubahsuaian skop kerja selepas SST dikeluarkan.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini nampaknya ada macam pelepasanlah. Fasal apa sekarang ini jawapan yang diberikan oleh kementerian fasal tidak ada VM *lab* ketika itu. Jadi kita tidak ikut prosedur pun tidak apa... [Ketawa]

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Eh, tidak-tidak. Tidak ada... [Ketawa] daripada mula *design*, skop kerja memang kita bincang dengan semua pihak.

Tuan Pengerusi: Saya tahu. Jadi maknanya, kalau ada masalah pada ketika itu, katakanlah yang tidak mengikut tatacara Jabatan Audit. Jabatan Audit dia tengok prosedur sahaja. Prosedur ada, dia kata tidak salah. Sama juga macam JPA. Diikut Jabatan Audit pula. Akan tetapi soal saya sekarang ini, saya tanya sama ada, terdapat perkara-perkara yang tidak betul yang berlaku? Sebab saya fokus juga kepada Kementerian Pertahanan ini adalah kerana apa jadi dekat Navy. Baru-baru ini yang keluar MACC dan sebagainya sebab itu saya- dan apa yang dilaporkan dalam media perkara tidak betul dalam Navy itu berlaku bertahun-tahun, diulang-ulang.

Oleh sebab itu fokus PAC kita beri lebih kepada Kementerian Pertahanan juga, hendak tengok ketiga-tiga cabang ini sama ada ada berlaku atau tidak perkara tidak betul dan penambahbaikan dibuatlah. Jadi, dalam kes Wisma Perwira ini sudah ada dia punya penambahbaikanlah?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Betul.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kita hanya tidak sampai 40 minit lagi. Perkara-perkara yang hendak dibangkit itu banyak. Ini hanya Wisma Perwira sahaja. Ada yang dua lagi.

Tuan Pengerusi: Kita fokus Wisma Perwira sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha? Di sini ia bukan sahaja anai-anai, saya pun tidak tahu lah- saya bukan pakar. Kalau anai-anai tidak ada ibu tidak ada anai-anai. Mungkin Jeneral boleh siasat lebih lanjut kerana kalau tidak bangunan itu akan dimakan anai-anai juga. Kita mesti cari puncanya. Itu yang pertama. Di sini, bolehkah di dalam 30 minit lagi kita boleh jawab mengenai pentadbiran kontrak ini dan perbelanjaan yang perlu dihematkan dan juga perunding untuk melantik pegawai penguasa dan seterusnya. Ini syor daripada audit itu untuk menubuhkan jawatankuasa siasatan. Saya pun hairan juga kerana saya pernah berkhidmat dengan Kor Ubatan. Saya pun bersympatilah kerana Brigedier Jeneral Asmuni ada datang dan ramai lagi yang datang itu '*niaya*' lah itu, tidak dapat ya...

Tuan Pengerusi: Apa "nyanyuk"?... [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: '*Niaya*' lah itu.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] *Hansard* kena ejah betul-betul itu jangan ejah "ternyanyuk"... [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan nyanyuk. Itu Tuan Pengerusi mungkin nyanyuk... [Ketawa] Itulah dan tidak ada masa untuk jawab semua ini.

Akan tetapi dalam tentera kita ada disiplin bahkan juga kita ada Jabatan Integriti pula dan sebagainya. Ini bermakna semua itu termasuk kontrak-kontrak itu mesti dijalankan mengikut perintah, mengikut disiplin. Di sini kita nampak mungkin kita mesti memperbaiki disiplin ini.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Chairman can I start?* Ini hendak tanya sedikit latar belakang. *I mean this project* yang pembinaan Wisma Perwira ini lebih RM100 juta. Ini hendak bertanya sahajalah. *What was the- projek yang magnitud besar ini yang dihandle direct oleh pihak Tentera? So, itu kita hendak tanya.* Sebelum ini projek apa yang terbesar sebelum dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Kejuruteraan.

Tuan Pengerusi: Projek pembinaan bangunanlah.

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Sebelum ini Kem Gemas dikendalikan oleh bahagian saya, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan. Projek yang terbaru ialah Pusat Pengajian Pertahanan (Puspahanas).

Tuan Pengerusi: Yang *problem* itu? Sudah siap?... [Ketawa]

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: [Ketawa] Then, kebanyakannya kem-kem yang...

Tuan Pengerusi: Kem you buat *more infrastructure work and low rise building. This will be your first building* yang you buat *multi-storey buildings*.

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Correct.

Tuan Pengerusi: Ini *your first one* lah?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: No wonder lah ada masalah... [Ketawa] Sebab you tidak ada expertise hendak buat bangunan bertingkat ini. Betul tidak? Jangan takut sebab Yang Berhormat Limbang dulu orang JKR. Sekarang dia Ahli Parlimen, pengalaman dia di JKR itu memang luas. Jadi kita memang selalu panggil JKR ke PAC ini, fasal dia orang kendalikan kerajaan punya projek-projek pembinaan. Jadi, Kor Angkatan Tentera ini yang di bawah Mejar Jeneral Dato' Dr. Sukri ini saya rasa ada masalah kerana kompetensi dia kurang kerana baru hendak buat bangunan-bangunan seperti inilah. Oleh sebab itu bangunan ini mungkin ada masalahlah daripada segi *planning* dan sebagainya. Boleh saya kata *fair-fair statement*?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Not so Tuan Pengerusi... [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Not so, okay. Never mind, you are welcome to explain.

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Of course DPKP cannot be compared with JKR. JKR got few hundred architect, I got few architect but within the limit, within arm forces I think we are still capable. Kalau project multi-storey buildings itu memanglah. Akan tetapi our experience dengan projek Gemas, Kem Muara Tuang, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, officer mess, we are capable.

Tuan Pengerusi: In the future will you get outside consultant bila you buat pembinaan yang bukan dalam kemampuan you?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: In fact dalam kes ini pun, this is design and build, the consultant by the main contractor akan cari konsultan dia semua.

Tuan Pengerusi: Ya lah tetapi sebagai Pegawai Pengawal sometimes when the contractor make mistake. You also might overlook at it. Betul tidak?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Ya, I agree to the extend...

Tuan Pengerusi: Ya lah... [Ketawa] Okey.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Saya bukan apa, bukan hendak mempersoalkan your capability. Ingin hendak bertanya because...

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ha?

Tuan Pengerusi: Kena tembak baru tahu.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: [Ketawa] Tidak, hendak tanya tentang design and build. So, this project are, you saying that Bahagian Kejuruteraan kementerian ini, you consider yourself as the PMC for this project?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: We do not have PMC, I am the SO sahaja.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ya lah, projek itu project management. Maksudnya, this project this is totally manage the construction by- selalunya kerajaan engage PMC untuk manage this design and build construction. Jadi macam ini, you all are taking the role as the project management.

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Correct, correct.

Tuan Pengerusi: What he is saying is usually JKR would appoint external consultant for them to take the blame if something goes wrong. In this case since you admit that you supervise the project yourself the blame is on you 100%... [Ketawa] If anything goes wrong. JKR ada cakap, dia ada cara lain yang dia hendak buat. Dia appoint orang lain, jadi kalau salah, orang itulah... [Ketawa]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi kadang-kadang kalau betul-betul dia tidak cukup orang. They need to engage project management itu. That is when you do not have a team, you do not have enough team and then we engage somebody. Itu bukan apa.

Tuan Pengerusi: Maybe that is what you can consider in the future.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Ada juga penambahan perjawatan juga Tuan Pengerusi dalam konteks inilah, Wisma Perwira ini.

■1230

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Saya teruskan Yang Berhormat. Penemuan seterusnya ialah Audit berpendapat perlu menyediakan pelan koordinasi antara kontraktor bangunan dengan kontraktor dapur supaya tidak berlaku pertindihan masa dan ruang kerja. Perkara ini telah diambil tindakan Yang Berhormat.

Seterusnya, pengeluaran sijil kerja tidak siap. Penemuan pada Audit, kerja-kerja untuk mengutip LAD sepatutnya dikenakan kepada syarikat-syarikat yang terlibat. Perkara ini juga telah dilaksanakan. Semua LAD kepada kontraktor telah selesai dibuat pemotongan melalui bayaran-bayaran interim.

Tuan Pengerusi: Keluarkan sijil, you orang lah?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Saya nak tanya juga lah ya, since tadi Brigadier dah kata you ada project management team lah for all these lah yang direct— design and built and all the other three open tenders lah. Jadi, nak minta confirmation. Semua spesifikasi and then both under construction dengan juga under contractual punya management, you have your QS. Apakah piawaian yang digunakan? Apakah sama dengan apa yang digunakan oleh JKR dalam melaksanakan semua projek bangunan? As a technical...

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Ya, ya. Memang kami ikut JKR punya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Everything lah, semuanya guna specs JKR lah?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Yes, yes everything. Okey. Seterusnya, tentang penemuan Bisraya Construction Sdn. Bhd. Daripada penemuan Audit, kelewatan proses penyerahan bangunan kepada pengguna kegagalan kontraktor menghadiri pemeriksaan. Yang Berhormat, semasa kami buat pemeriksaan, pihak kontraktor gagal untuk hadir dan jadi kami telah pun membuat hantar surat teguran kerana kegagalan tersebut. Untuk corrective...

Tuan Pengerusi: Akhirnya, kenapakah mereka tak datang? Mereka tak setuju dengan you?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Tak pasti.

Tuan Pengerusi: Okey. Ada hubungan terjejas di antara kontraktor dengan you orang?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Okey, Dato' silakan.

Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim: Next Yang Berhormat, berhubung dengan peranan perunding. Di mana kelewatan proses rundingan harga menjelaskan pelaksanaan projek dan menyebabkan projek lewat disiapkan. Jadi, dalam hal ini, makna proses rundingan memang mengambil masa atas dasar kementerian berhasrat untuk merundingkan harga ke paras yang berpatutan dan munasabah serta menguntungkan pihak kerajaan.

Dalam hal ini kita dapat kementerian telah berjaya menjimatkan sebanyak RM0.82 juta ataupun 7% daripada tawaran asal kontrak yang bernilai RM3.11 juta kepada RM2.29 juta sahaja. Begitu juga dengan khidmat perunding walaupun mengambil masa sepuluh bulan, kementerian telah berjaya membuat penjimatan berjumlah 65% daripada kontrak asal. Jadi dalam hal ini, untuk tindakan corrective, pihak kementerian telah memasukkan klausa tempoh rundingan harga selama dua minggu ke dalam surat niat bagi setiap projek yang dilaksanakan secara rundingan terus.

Jadi, sekiranya rundingan harga dijangka mengambil masa melebihi tempoh dua minggu, kementerian memohon pengecualian daripada Kementerian Kewangan. Berdasarkan case-by-case lah. Dia bergantung kepada complicated dia punya kes berkenaan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ada ini tak Tuan Pengerusi, mungkin kalau tak dapat sekarang, kemudian pun boleh kan Tuan Pengerusi? The comparison harga yang di estimate oleh your side dengan yang ditawarkan oleh kontraktor lah ya. Boleh tak?

Tuan Pengerusi: Nak tengok how efficient you were at negotiating the price lah.

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Penemuan seterusnya kerja mekanikal dan elektrikal tidak dilaksanakan atau diselesaikan dengan sempurna. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkara ini telah pun dilaksanakan. Semua pemberian telah dilaksanakan seperti gambar yang kita sertakan.

Tuan Pengerusi: Pemberian ini dalam tempoh *warranty period* lah? Tak ada *incur extra cost* lah?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Ya, dalam *warranty*.

Tuan Pengerusi: Dalam *warranty period* lah? *Warranty period* pun fasal *you extend fasal you* bagi EOT lah?

Brig. Jen. Abu Sufian bin Haji Ahmad: Ya.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Seterusnya Yang Berhormat mengenai konsep pengendalian dan pengoperasian Wisma Perwira. Pihak yang mengendalikan Wisma Perwira juga diberi kebenaran atas seawaan dewan bankuet untuk mengadakan majlis-majlis persendirian, *private functions, especially wedding* dan sebagainya.

Okey, teguran Audit mereka tidak seharusnya menggunakan peralatan dapur, pinggan mangkuk yang berlogo ATM untuk majlis-majlis tak rasmi. So, perkara ini kita telah pun mengambil tindakan untuk pihak yang mengendalikan wisma untuk membeli peralatan sendiri untuk majlis-majlis *private*.

So, kita dah ambil alih semua pinggan mangkuk ini dan pinggan mangkuk yang berlogo ATM ini hanya digunakan untuk majlis-majlis rasmi sahaja, majlis rasmi tentera dan juga untuk *civilian. Because, functions* di sana, kita utamakan untuk majlis-majlis tentera dan juga mana-mana agensi kerajaan.

Tuan Pengerusi: Itulah saya tengok nama *company* yang *you swastakan* pun namanya Virgin Properties.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Ya.

Tuan Pengerusi: Jadi maknanya, *Virgin* ini dia tak tahu apa lagi.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: *Propertinya, Virgin.*

Tuan Pengerusi: Jadi, soal penswastaan perkhidmatan ini *you buat cara tender terbuka atau rundingan terus?*

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: ...Untuk pengendalian ini...

Tuan Pengerusi: Atau anak syarikat?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Rundingan terus, ya.

Tuan Pengerusi: Atau anak syarikat LTAT atau bukan?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Tak, tak.

Tuan Pengerusi: Ini memang *totally private sector* lah?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yes, *private sector*.

Tuan Pengerusi: *Third party* lah.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: *Third party.*

Tuan Pengerusi: So, tender terbuka?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Ya.

Tuan Pengerusi: You buat cara tender terbuka lah?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Rundingan terus.

Tuan Pengerusi: Rundingan terus, rundingan terus. Siapakah yang bagi kelulusan?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: That one is from Treasury.

Tuan Pengerusi: Treasury ya? MoF betul?... [Ketawa]

Encik Rosli bin Yaakub: MINDEF memanjangkan permohonan, kita lulus lah. Biasa lah ini Tuan Pengerusi, dia panjangkan permohonan.

Tuan Pengerusi: Panjangkan permohonan lepas itu MoF lulus. MoF langsung tak buat penilaian, lulus sahaja?

Encik Rosli bin Yaakub: MoF ini selalunya lulus based on proposal by MINDEF.

Tuan Pengerusi: Ya lah ini sebab itu kita nak tanya juga kenapa benda ini di recommend oleh MoF secara rundingan terus. Boleh bagi senarai nama director dan shareholder Virgin Properties tak? Nak check juga.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yang Virgin Properties punya saya tak ingat sepenuhnya lah tapi one of them is Ku Azhar.

Tuan Pengerusi: Bagi kita nama itulah.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yes of course.

Tuan Pengerusi: Tak, fasal apa, kita nak tahu juga fasal apa tak buat tender terbuka. Fasal apa appoint rundingan terus sahaja kan? MoF kata mereka appoint- you kata MoF appoint. MoF kata you appoint rundingan terus sahaja, kan?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Ya okey.

Tuan Pengerusi: You kata MoF appoint. MoF kata you appoint. Mereka appoint fasal you minta. So, balik kepada you juga.

Puan Zurifah binti Zuhairon [Ketua Tim RRU, Kementerian Pertahanan, Wisma Perwira ATM]: Excuse me Yang Berhormat Datuk, if I may. Actually, MINDEF yang memohon daripada Kementerian Kewangan untuk melantik Virgin Properties berdasarkan pengalaman Virgin Properties melaksanakan kerja-kerja untuk pengendalian hotel.

Tuan Pengerusi: Okey good. Then you give us their background sekali.

Puan Zurifah binti Zuhairon: Kami memohon- Kementerian Pertahanan memohon kepada MoF dan telah diluluskan untuk direct nego.

Tuan Pengerusi: Now, you give us mereka punya track record sekali lah, experience selain daripada maklumat director dengan shareholder.

Puan Zurifah binti Zuhairon: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: Tak, you tak sedar kah, MoF tolak balik dekat you... [Ketawa]

Puan Zurifah binti Zuhairon: Kami memohon untuk kementerian direct nego.

Tuan Pengerusi: Soalan / tanya tadi, / cakap you buat- MoF buat penilaian tak? Mereka kata tak, mereka setuju sahaja.

Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim: Next Yang Berhormat, berhubung dengan Syarikat Virgin Properties yang tidak mendaftar ikut bidang kawalan keselamatan. Jadi, untuk ini pihak kementerian juga telah memberi teguran kepada syarikat pada 4 Mac yang lalu dan sementara oleh sebab pihak Virgin Properties didapati lambat untuk mendapatkan kelulusan berkenaan oleh sebab dia terpaksa mendapatkan kelulusan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, untuk sementara waktu pihak syarikat telah pun melantik Syarikat Keselamatan Azam Armada Security Sdn. Bhd. pada 1 Jun 2014 untuk mengawal keselamatan. Di samping itu, pihak kementerian juga telah pun mendapat kelulusan daripada Treasury berhubung dengan pengecualian perkara ini.

Tuan Pengerusi: Oh, maknanya soal kawalan keselamatan bangunan ini bukan *you* orang yang handle? You serah pada Virgin Properties.

■1240

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Ya, Tuan Pengerusi. Dalam kontrak pengendalian ini termasuk M&E, housekeeping, Food & Beverage (F&B), landskap dan juga sekuriti. So, all services are privatize.

Tuan Pengerusi: Maknanya dia orang decide sendirilah?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Decide in what sense?

Tuan Pengerusi: They decide the security company themselves and not you?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yes, yes. Kita memantau setiap bulan because kita ada pembayaran kepada syarikat pengendalian is based on performance.

Tuan Pengerusi: I know but the issue on security, since you are...

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: So, on security.

Tuan Pengerusi: You are after all are the army. So, I am wondering why you let this issue, you let the company chooses the security company?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: No, because tempat Wisma Perwira is considered as low security instalasi. Dia pun terletak di periphery kepada MINDEF. There is no sensitive thing because this is a place for accommodation and for us to socialize dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: That is the point, it's already in your compound, why you ask...

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: It's not within the compound, it's at the periphery.

Tuan Pengerusi: Well, no body dare to go into the army based without permission... [Ketawa]

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: The reason we privatize is because of the main power.

Tuan Pengerusi: I understand, all I am saying is it just extra cost when you can also arrange your own internal security to help out lah kan? Jabatan Audit visit, not me.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Ya.

Tuan Pengerusi: [Ketawa].

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Point taken Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey, Tuan Pengerusi, ini ke belakang sedikit iaitu tentang kelewatan menduduki bangunan selama 25 bulan di mana bangunan hanya diduduki sepenuhnya selepas tempoh tanggungan *defect liability*, *confirm audit* ya? Kita hendak minta ini *detail* sedikit. Apakah semasa *defect liability period* itu *you engage this engineers*, Menara Rezeki, *are they doing their works* semasa *defects liability period* itu kah ataupun selepas *defect because* kontrak ini ada tiga, ada tiga kan? Pengoperasian itu memang sudah lainlah. Bila *sequence* ini masuk, siapa masuk, saya tengok sini hanya diduduki selepas *defects liability period*.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Tuan Pengerusi, semasa *defects liability period* itu pihak *kitchen* dan juga ID pun *concurrently doing the job at the same time*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Are you saying that* bangunan ini tidak dapat didiami sebab banyak kelengkapan perkara yang belum ada?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yes, because the ID come in with semua *furniture* dan sebagainya. So, sebelum itu kita tak boleh hendak menduduki bangunan itu.

Tuan Pengerusi: *Was there any rush element in completing this building?* Fasal apa / tengok pelik juga. Kontrak itu *start* lambat selepas itu buat laju pula. Dia sudah *agree* tahun 2008 tetapi 2010 baru *start* pembinaan.

Mej. Faridah binti Rakidin: Pembinaan untuk *main building* bermula pada Ogos 2008.

Tuan Pengerusi: Tahu, tetapi yang *you* bagi EOT itu untuk kelewatan bangunan kan?

Mej. Faridah binti Rakidin: Okey, yang untuk kelewatan bangunan itu adalah berpunca sebab pada penghujung 2008 berlakunya tanah runtuh di Bukit Antarabangsa. So, di situ ada berlaku di mana pihak DBKL membuat ketetapan baru kepada kerja-kerja di *slope*. So, bila di situ ada buat perjanjian baru, kebetulan pada masa itu projek Wisma Perwira baru *start*. Untuk kelulusan itu DBKL mengkaji semula sama ada kriteria *slope* itu kategori apa.

Tuan Pengerusi: *Slope* ini 45 degrees?

Mej. Faridah binti Rakidin: Less then, dia tak sampai tetapi masa itu kebetulan Bukit Antarabangsa itu berlaku, so dibuat kajian semula itu yang lambat sikitlah.

Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim: Tuan Pengerusi isu berhubung dengan perjanjian kontrak penyelenggaraan dengan- *property*, semasa di audit belum ada dikontrak. Jadi, kontrak itu sebenarnya telah pun ditandatangani pada 4 Disember 2014 dan juga isu *profit sharing* pun telah dimasukkan dalam dokumen berkenaan.

Tuan Pengerusi: Maknanya selepas audit masuk baru *you all* buatlah... [Ketawa]

Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim: Tidak...

Tuan Pengerusi: Kalau Jabatan Audit tak masuk *you* tak nampaklah. Melawak sahaja... [Ketawa]

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Okey, seterusnya Yang Berhormat mengenai rekod penyelenggaraan. Untuk penyelenggaraan yang dilakukan oleh pihak syarikat pengendalian, kita memantau setiap bulan.

So, daripada Laporan Ketua Audit Negara yang mengatakan tiada tempoh masa atau norma yang ditetapkan, kita memperakui benda ini. Sebelum itu, saya baru keluarkan satu panduan untuk selenggaraan, kita bagi masa kerja-kerja kecil mesti disiapkan dalam masa dua hari, tiga hari dan sebagainya. Benda itu ada dalam rujukan Lampiran I tersebut Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Itu sebab tadi Yang Berhormat Limbang tadi tanya sama ada *planning* bangunan ini ikut cara JKR. Sepatutnya benda-benda macam ini, macam *maintenance*, *should already be part of the consideration automatic*. *I think because you didn't have the necessary expertise to build multiple storey buildings. I think you had some problem there. You overlook this one.* Tidak apalah, *I mean we take it as a learning experience.*

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yes.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *in the future you must upgrade your capabilities up to at least JKR punya standardlah.*

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Yes, *point taken.*

Tuan Pengerusi: *The SOP are all there.*

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: Seterusnya, mengenai penyelenggaraan pencegahan *this is with regards to the generator*. Perkara ini pun kita telah ambil tindakan dan sekarang ini *generator berfungsi dengan baiklah* dan *of course every month* kita buat penyelenggaraan berskala untuk generator ini.

Tuan Haji Mohd. Shahbudin bin Ibrahim: Isu- bidang telah disebutkan tadi Tuan Pengerusi.

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: *Next one is on the Sistem Kawalan Litar Tertutup.* Semasa lawatan Jabatan Audit tersebut ada terdapat tujuh CCTV dalam proses penyenggaraan. So, *at present* semua 80 CCTV itu berfungsi dengan baik Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Last sekali mengenai perjawatan Wisma Perwira ATM. Sebelum ini Wisma Perwira ATM tidak ada perjawatan, semua anggota di Wisma Perwira anggota tumpangan. So, perjawatan yang telah diluluskan oleh JPA seorang pegawai, dan enam lain-lain pangkat dengan kerja-kerja pemantauan dan juga pengurusan ahli-ahli wisma. Kita memerlukan perjawatan yang lebih sedikitlah, yang kita minta tiga kali pegawai dan 23 lain-lain pangkat untuk membuat kerja-kerja pemantauan dan juga menguruskan wisma. Perkara ini kita telah pun minta balik tetapi *at present*, Bahagian Pembangunan Organisasi JPA telah mengeluarkan arahan larangan memandangkan jawatan baru ini dibekukan sekejap.

Tuan Pengerusi: So, macam mana hendak buat?

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: *So, we do with what we have first.*

Tuan Pengerusi: Okeylah... [Ketawa]

Mej. Jen. Dato' Dr. Sukri bin Hussin: So, itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, ada soalan lain? Tadi JPA kata ada isu *dispute* kontraktor itu, konsultan dengan kontraktor itu?

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir: ...Buat itu tuntutan oleh sesalinan kepada PAC lah *dispute* maknanya daripada segi pembayaran oleh sub kontraktor. Maknanya masalah antara kontraktor dengan kontraktor sahajalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Itu sebab saya tanya soalan tadi kalau ada *nominated subcontractor* yang *main contractor* tak nak terima. Ini pun could be the reason why there is a dispute. Because if it is design and build that means the contractor himself choose the subcontractor and therefore they should not be any dispute between them. Akan tetapi selalunya dalam kes macam ini- there is a possibility that the main contractor is done through open tender atau rundingan terus tetapi subcontractomya is nominated by somebody. Now, you know why I ask that question.

■1250

In fact, PAC pun, we may call the contractors involved to ask them, why is the dispute? There shouldn't be a dispute, if it's all design and build. Kalau tender terbuka, I faham. Every stage tender terbuka will be different people, hendak coordinate memang a major problem, kan? But, this one it shouldn't be- it is a design and build. Rundingan terus lagi. Jadi, tidak apalah. Ada soalan lain Yang Berhormat Selayang?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, just hendak tanya confirm dengan kementerian, mungkin saya tanya kemudian saya terlupa juga tadi iaitu tentang CF ia sudah dikeluarkan oleh which- CF untuk...

Mej. Faridah binti Rakidin: Okey, yang projek ini tertakluk kepada CCC. CCC yang mana yang DBKL lah, konsultan dah forwardkan kepada DBKL semua itulah, memang ada. Then, baru diforwardkan kepada MINDEF untuk keluarkan CPC. Projek ini tidak bergantung kepada CF.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: I mean, how about fitness? Ya lah, I mean every building untuk didiami, kan, mesti ada...

Mej. Faridah binti Rakidin: Untuk projek ini ia tertakluk kepada CCC Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Oh.

Mej. Faridah binti Rakidin: CCC, dan produce CPC.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Practical Completion ya?... That's all ya?

Mej. Faridah binti Rakidin: Ya. Dalam kontrak sebelum kementerian boleh mengeluarkan CPC, kontraktor perlu mengemukakan CCC. Ia tidak ada CF, ia CCC.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah kementerian sanggup menukuhan sebuah jawatankuasa siasatan lagi?

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Yang Berhormat, selain daripada kita menerima lawatan Jawatankuasa Siasatan, yang mana telah pun melaksanakan siasatan berdasarkan pada penemuan Audit secara khusus, sebenarnya along the way- in fact Yang Berhormat, proses Laporan Ketua Audit Negara ini ia daripada Town Hall session lagi.

Which was conducted, yang mana telah pun di- yang mana antara kementerian lain, kementerian ini pun perkara ini dihadapkan di Town Hall. Sampailah ke hari ini, we went through each and every element within the Audit Report. Yang mana yang saya rasa perlunya ada siasatan ataupun terdapatnya isu-isu penyelewengan, memang kita discuss sesama kita. I will not spare the rod, dengan izin, Yang Berhormat, even to the military. Sometimes saya pun naik suara juga dengan mereka. Because, saya sebagai Pegawai Pengawal, I have to be held as accountable and responsible.

Buat masa ini, *what we are doing is that, through corrective, through also preventive, we are doing measures*, yang mana kita lihat adalah lebih kepada kelemahan proses yang lebih daripada kelemahan koordinasi dan sebagainya. Akan tetapi daripada segi salah guna, salah laku, kita lihat bahawasanya perkara-perkara ini lebih kepada kelemahan SOP, ketiadaan SOP, arahan kerja dan sebagainya. *In shaa-Allah sekiranya ada dalam masa-masa depan itu, memang kita tidak akan berkompromi daripada segi accountability.*

Tuan Pengerusi: Yang saya tengok daripada pandangan awal saya memang SOP ketika itu memang *very weaklah* dan menyebabkan banyak *loophole* yang boleh diexploit. Selepas itu Audit masuk pun dan buat kajian, mereka pun mereka tidak boleh hendak buat apa-apa *conclusion*, kalau ada tidak ikut prosedur atau tidak. Fasal memang prosedur kurang masa itu. Jadi, saya berharap selepas ini Unit Integriti SPRM aktif dalam hal ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okeylah. Selepas itu, audit dalaman?

Dato' Jalil bin Jaaffar [Ketua Unit (Integriti) Kementerian Pertahanan]: Kita sentiasa buat susulan auditlah.

Tuan Pengerusi: Ya lah, yang pentingnya you bercadang *improve the SOP, the internal controls*.

Dato' Jalil bin Jaaffar: Kita mencadangkan supaya...

Tuan Pengerusi: *Once that is done, then you tighten it up, then the loopholes become less and less. That doesn't mean that perkara ini tidak akan berulang lagi tetapi become less and lesslah.* Dalam pentadbiran kerajaan tidak banyak perkara yang unik, yang perlukan *high degree of technology* dan sebagainya. Macam buat bangunan ini biasa, JKR sudah buat bertahun-tahun dan sebagainya. *Just to tighten up the SOP* dan sebagainya. Jadi...

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Kita juga menujuhan yang kita panggil Jawatankuasa TOPSIS. Bermaknanya, saya mempergerusikan dengan audit dalam, dengan SPRM. Unit Integriti dengan bahagian perolehan, pembangunan, kewangan, PUU kita. *These are the very sensitive punya divisions. So that, we will be able to give an additional punya monitoring mechanism. So, we are doing it very actively* sekarang ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada soalan lain? Kalau tidak ada soalan lain sudah pukul 1 ini. Kalau yang lagi dua perkara itu panjang juga kah?

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Lebih kuranglah.

Tuan Pengerusi: Lebih kurang panjang.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Akan tetapi kalau Yang Berhormat laju, kami pun laju... [Ketawa] Akan tetapi *I think-* tetapi *a new team...*

Tuan Pengerusi: Timbalan tidak setuju, dia kata jangan buat laju-laju- *it is about quality...*

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: *But, we will go through an honor each and every penemuan Yang Berhormat, dalam pembentangan kita nanti.*

Tuan Pengerusi: *I think, we might not have enough time* pun. So, kalau boleh kita tangguh tentang dua perkara lain itu. Wisma Perwira saya rasa sudah tidak ada apa soalan sudah. Kita boleh tangguh yang dua perkara lain itu pada hari yang lainlah.

Seorang Ahli: Isu KTU sikit sahaja.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Berapa?

Seorang Ahli: Lapan.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Jangan, jangan, jangan. *No, no kita all.* Kita setuju Tuan Pengerusi, untuk dua lagi itu.

Tuan Pengerusi: Boleh ya? Dua lagi itu kita tangguh untuk prosiding lain ya.

Dato' Sri Abdul Rahim bin Muhamad Radzi: Ya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, baik. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Sri Abdul Rahim serta pegawai-pegawai daripada kementerian atas kesudian datang untuk memberi penjelasan mengenai isu Wisma Perwira pada hari ini dan kita akan sambung lagi pada tempoh masa yang akan datanglah. *Maybe not so immediatelah, because we got 1MDB dan macam-macam lagilah hendak panggil. So, in a way, you are okay there. It won't be so soon.* Jadi, saya ucapkan terima kasih sekali lagi.

Okey, terima kasih Dato' ya. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.57 tengah hari.]

**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**



LATAR BELAKANG PEMBINAAN DAN PENGURUSAN WISMA PERWIRA ATM

LATAR BELAKANG PROJEK

Objektif Pembinaan Dan Pengurusan Wisma Perwira ATM (WP ATM)

Menyediakan perkhidmatan hospitaliti seperti penginapan, sajian dan kemudahan-kemudahan lain yang berorientasikan perhotelan kepada Pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

2 Keutamaan penginapan diberikan kepada pegawai ATM yang belum berkahwin.

LATAR BELAKANG PROJEK (samb...)

- Dibina pada tahun 2008 terdiri daripada menara berkembar setinggi 12 tingkat yang dilengkapi dengan *connecting bridge* setelah bangunan sedia ada tidak selamat untuk diduduki.
- Keahlian kepada pegawai ATM yang bertugas di Kementerian Pertahanan dan bekas pegawai ATM sebagai Ahli Veteran.
- Pada tahun 2014 keahlian WP ATM adalah seramai 1,912 orang pegawai.

LATAR BELAKANG PROJEK (samb...)						
BIL	NAMA SYARIKAT (KONTRAKTO)	KONTAK	CARA LANTIKAN	PENGARAH PROJEK/PEGAWAI PENGUSA	KOS PROJEK (RM JUTA)	TARikh SIAP SEBENAR
1	Biraya Construction Sdn Bhd	Pembinaan Wisma Perwira	Rundingan Terus	Ketua Pengarah BPKP	102.75	28.8.2008 hingga 24.2.2011
2	Ingenious AirCycle Engineering Sdn Bhd	Membekal; Memasang; Menguji Dan Mewujud Sistem Peralatan Dapur	Tender Terbuka	Ketua Pengarah BPKP	5.45	20.12.2010 hingga 14.3.2011
3	Menara Rezeki Sdn. Bhd	Hiasan Dalam dan Kelengkapan	Tender Terbuka/ Rundingan Terus	Ketua Pengarah BPKP	16.90	16.8.2012 hingga 30.1.2013
4	Virgin Properties Sdn Bhd	Pengendalian Dan Pengoperasian	Rundingan Terus	Pengarah Sekretariat Markas ATM	39.30	1.11.2013 hingga 31.10.2016

OBJEKTIF PENGAUDITAN

UNTUK MENILAI SAMA ADA PEMBINAAN DAN PENGURUSAN WP ATM TELAH DIRANCANG, DILAKSANA DAN DIPANTAU DENGAN CEKAP, TERATUR SERTA MENCAPAI OBJEKTIF YANG DITETAPKAN

SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

SKOP PENGAUDITAN:

Skop pengauditan merangkumi pembinaan serta pengurusan WP ATM sehingga tahun 2014.

Pengauditan dijalankan di:

1. Bahagian Pembangunan, Wisma Pertahanan
2. WP ATM, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur

METODOLOGI PENGAUDITAN:

- Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen sehingga tahun 2014.
- Perbincangan dengan pegawai terlibat serta lawatan dan temu bual dengan penghuni WP ATM juga dijalankan.

SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

- Borang soal selidik diedarkan kepada pegawai yang mendiami WP ATM dan juga pengguna untuk mendapat maklum balas berkaitan pengurusan WP ATM.
- Exit Conference telah diadakan pada 17.2.2015 dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian; Pegawai-pegawai Kanan yang terlibat; Unit Integriti Kementerian; wakil Jabatan Perkhidmatan Awam; wakil Kementerian Kewangan; wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan wakil Jabatan Peguam Negara.



HASIL PENGAUDITAN

 RUMUSAN KESELURUHAN 10

Pada keseluruhannya, pengurusan WP ATM adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam pelaksanaan seperti berikut:

- 1** Perancangan yang lemah dari aspek reka bentuk dan skop kerja menyebabkan WP ATM lewat disiapkan selama 389 hari dengan kos meningkat sejumlah RM322,980.94.
- 2** Kelewatan menduduki bangunan 25 bulan di mana bangunan hanya diduduki sepenuhnya selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) pembinaan tamat tempoh.
- 3** Gagal mewujudkan kontrak formal dan menandatangani kontrak dengan segera bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin serta mematuhi peraturan kewangan mengenai tatacara pengurusan perolehan.

 RUMUSAN KESELURUHAN (samb ...) 11

- 4** Arahan Perubahan Kerja yang tidak diluluskan berjumlah RM1.33 juta di tuntut sebagai Tuntutan Belas Kasihan (Ex Gratia).
- 5** Gagal mematuhi garis panduan perolehan secara rundingan terus.

 PRESTASI PENGURUSAN PROJEK 12

- 1. Prestasi Pengurusan Projek**
 - 1.1. Pencapaian Fizikal Projek**

PENEMUAN AUDIT

- 1. Pembinaan WP ATM** dibahagikan kepada 3 komponen:
 - a. Bangunan dan kemudahan – Bisraya Construction Sdn. Bhd.
 - b. Pemasangan peralatan dapur – Ingenious Air Cycle Engineering Sdn. Bhd.
 - c. Hiasan Dalaman – Menara Rezeki Sdn. Bhd.
- 2. Pengendalian & Pengoperasian**
 - a. Virgin Properties Sdn. Bhd.

PRESTASI PENGURUSAN PROJEK (samb...)

1. Prestasi Pengurusan Projek
1.1. Pencapaian Fizikal Projek (Samb...)

PENEMUAN AUDIT

- **PEMBINAAN WP ATM**
 - Nama Kontraktor : Bisraya Construction Sdn. Bhd.
 - Kaedah Perolehan : **Rundingan Terus**
 - Kos Projek : **RM102,750,000**
 - Tarikh Siap Sepatutnya : **24.2.2011**
 - Tarikh Siap Sebenar : **19.3.2012**
 - Lanjutan Masa (EOT) 1 : 25.2.2011 – 18.6.2011 (114 hari)
(EOT) 2 : 19.6.2011 – 19.3.2012 (275 hari)

PRESTASI PENGURUSAN PROJEK (samb...)

1. Prestasi Pengurusan Projek
1.1. Pencapaian Fizikal Projek(samb...)

PENEMUAN AUDIT

- Tarikh Ambil Milik : 10.5.2012
- **Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan pada 16.5.2012**
- Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) : bermula 20.3.2012 hingga 19.3.2014
- Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) : 13.10.2014
- **Lewat disiapkan selama 389 hari dari tarikh siap sepatutnya.**

PRESTASI PENGURUSAN PROJEK (samb...)

SEBAB

- Kelewatan mendapatkan kelulusan Perintah Pembangunan (Development Order).
- Perubahan reka bentuk dan spesifikasi hiasan dalaman.
- Arahan penangguhan kerja dan arahan kerja tambahan di dalam *ballroom*.
- Kelewatan penyerahan semula kawasan kerja (dapur).
- Kelewatan dalam proses mengeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CPC).

KESAN

Bangunan dapat digunakan selepas tempoh tanggungan kecacatan tamat.

PRESTASI PENGURUSAN PROJEK (samb...)

1. Prestasi Pengurusan Projek
1.1. Pencapaian Fizikal Projek (samb...)

PENEMUAN AUDIT

- **MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH SISTEM DAN PERALATAN DAPUR SERTA KERJA LAIN**
 - Nama Kontraktor : Ingeneous Air Cycle Engineering Sdn. Bhd.
 - Kaedah Perolehan : **Tender Terbuka**
 - Kos Projek : **RM5,451,430.57**
 - Sumber Peruntukan : Belanja Mengurus 2011
 - Tempoh Pelaksanaan : 11 minggu

 PRESTASI PENGURUSAN PROJEK (samb...)

1. Prestasi Pengurusan Projek
1.1. Pencapaian Fizikal Projek (samb...)

PENEMUAN AUDIT

- Tarikh Mula : 20.12.2010
- Tarikh Siap Sepatutnya : 14.3.2011
- Tarikh Siap Sebenar : 21.9.2011
- Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) : 12 bulan
- Lanjutan Masa (EOT 1) : 14.3.2011 – 18.4.2011
(EOT 2) : 18.4.2011 – 15.7.2011
(EOT 3) : 15.7.2011 – 21.9.2011

 PRESTASI PENGURUSAN PROJEK (samb...)

1. Prestasi Pengurusan Projek
1.1. Pencapaian Fizikal Projek(samb...)

PENEMUAN AUDIT

- Tarikh Ambil Milik : 10.5.2012
- Laporan Pemeriksaan Pra Ambil Alih : 28.12.2011
- Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) : **16.5.2012**
- Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) : 21.9.2011 hingga 20.9.2012.
- Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) : 21.1.2013 dan dilepaskan bersama Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) sejumlah RM136,285.76.
- Lewat disiapkan selama **191 hari dari tarikh siap sepatutnya.**

 PRESTASI PROJEK PEMBINAAN (samb...)

SEBAB

- Kerja di luar kawalan kontraktor.
- Skop kerja yang tidak jelas menyebabkan arahan Pengguna Projek lambat.
- Berlaku kelewatan dalam penyerahan tapak.
- Pengantungan dan penyambungan semula kerja.
- Pemeriksaan Pra Ambil Alih sepatutnya pada 10.11.2011 ditunda pada 22.12.2011 kerana kegagalan IACESB menghadirkan diri dan menyediakan segala dokumen dan manual operasi.

KESAN

Bangunan lewat diduduki.

 PRESTASI PENGURUSAN PROJEK (samb...)

1. Prestasi Pengurusan Projek
1.1. Pencapaian Fizikal Projek(samb....)

PENEMUAN AUDIT

- **PROJEK HIASAN DALAMAN WP ATM**
- Nama Kontraktor : Menara Rezeki Sdn. Bhd,
- Kaedah Perolehan : **Tender Terbuka**
- Kos Projek : **RM16,900,000**
- Sumber Peruntukan : Belanja Mengurus 2011
- Tempoh Pelaksanaan : 24 minggu
- Tarikh Mula : 16.8.2012
- **Tarikh Siap Sepatutnya : 30.1.2013**

 PRESTASI PENGURUSAN PROJEK (samb...)

1. Prestasi Pengurusan Projek
1.1. Pencapaian Fizikal Projek(Samb..)

PENEMUAN AUDIT

- PROJEK HIASAN DALAMAN WP ATM**
 - Tarikh Siap Sebenar : 09.7.2014
 - Tempoh Kecacatan : 12 bulan
